



DR 2 TAHUN 2018  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGKAL KEENAM




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK)

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK DI BAWAH KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK)</b>	<b>1-14</b>
<b>2</b>	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	<b>15-16</b>
<b>3</b>	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
<b>4</b>	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	
<b>5</b>	<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	



**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN  
KOMODITI (KPPK)**

**1. PENDAHULUAN**

Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi (KPPK) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 (Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 8 Disember 2016 iaitu dalam prosiding Bilangan 27/2016.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak oleh KPPK bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan skim yang dilaksanakan menepati serta mencapai objektif utama yang ditetapkan.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Ketua Audit Negara yang diwakili oleh Pengarah (Audit Prestasi III), JAN bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KPPK dan Ketua Pengarah (KP) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

## 4. LATAR BELAKANG

4.1 Skim Penstabilan Harga Minyak Masak atau dikenali sebagai *Cooking Oil Stabilization Scheme* (COSS) dilaksanakan oleh KPPK berikutan dengan kenaikan harga minyak sawit mentah yang tinggi pada suku tahun kedua 2006 dan awal tahun 2007. Keadaan ini memberi kesan kepada peningkatan harga minyak masak di pasaran tempatan dan membebankan pengeluar minyak masak serta menjejaskan penggunaan dalam negeri. COSS yang dilaksanakan pada 1 Jun 2007 mempunyai objektif seperti berikut:

- a. Membendung kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak;
- b. Menstabilkan harga runcit minyak masak dalam bungkusan lima (5) kilogram (kg) ke bawah untuk pengguna isi rumah; dan
- c. Memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.

COSS dikawal selia KPPK melalui Bahagian Kemajuan Industri Sawit Dan Sago (BISS). Antara fungsi BISS adalah memantau dan melaksanakan program-program penstabilan harga sawit.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pula adalah agensi di bawah KPPK merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk memacu kemakmuran industri minyak sawit melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang.

COSS merupakan skim pembiayaan subsidi minyak masak kepada kilang penapis minyak masak pada kadar bulanan. Subsidi dikira berdasarkan kiraan perbezaan harga asas melalui RM1,700 per metrik tan (mt) dengan harga purata minyak sawit mentah yang dikeluarkan oleh MPOB dan terhad kepada kuota pembungkusan minyak masak yang diluluskan oleh KPPK.

Sehingga April 2016, kuota minyak masak berjumlah 82,169 mt sebulan telah diluluskan dan diagihkan kepada 25 kilang penapis serta 241 syarikat pembungkus.

Amaun pembayaran subsidi yang dibiayai Kerajaan untuk menstabilkan minyak masak di negara ini bagi tempoh tahun 2013 hingga April 2016 adalah berjumlah RM2.388 bilion.

## **5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Sesi prosiding dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu ini oleh Pengarah (Prestasi III) JAN kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU KPPK dan KP MPOB memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1. Penjelasan Awal Pengarah (Prestasi III) JAN**

Pengarah (Prestasi III) JAN memaklumkan COSS dilaksanakan pada tahun 2007 di bawah kawal selia KPPK melalui BISS dengan objektif berikut:

- a. Membendung kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak;
- b. Menstabilkan harga runcit minyak masak dalam bungkusan lima (5) kg ke bawah untuk pengguna isi rumah; dan
- c. Memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.

Berdasarkan carta alir (*flow chart*) pengurusan COSS, permohonan akan diterima KPPK dan kemudian dibawa ke Jawatankuasa Penilaian Kos KPPK untuk perakuan. Selepas diperakukan, ianya akan dibawa kepada Menteri KPPK untuk kelulusan. MPOB akan dimaklumkan apabila kelulusan diperolehi dan kemudian mengeluarkan surat kelulusan bersama kuota yang diluluskan kepada syarikat pembungkusan dan juga kilang penapis.

Setiap bulan kilang penapis akan membekalkan minyak masak sawit mentah kepada syarikat pembungkus pada harga RM1,700 per mt. Pada akhir bulan, kilang penapis akan menuntut perbezaan harga antara *threshold* RM1,700 dengan harga pasaran iaitu antara RM2,400 hingga RM3,300 pada tempoh 3 tahun untuk dibayar subsidi oleh MPOB. Bagi tempoh tahun 2013 hingga April 2016, jumlah pembiayaan subsidi adalah sebanyak RM2.38 bilion.



Penemuan JAN adalah seperti berikut:-

**i. Prestasi Pemegang Kuota**

Lawatan fizikal JAN ke premis 17 pemegang kuota mendapati sembilan (9) pemegang kuota tidak mematuhi syarat operasi yang ditetapkan sepenuhnya antaranya:

- a. Rekod pembelian dan penjualan minyak masak tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- b. Tahap kebersihan premis yang rendah; dan
- c. Pemegang kuota tidak melaksanakan aktiviti pembungkusan minyak masak.

**ii. Penetapan Kuota COSS**

Formula penetapan kuota COSS tidak menggambarkan keperluan sebenar minyak masak. Kuota minyak masak dikira berdasarkan penggunaan per kapita sebulan bagi setiap isi rumah di Malaysia iaitu sebanyak 2.5 kg seorang sebulan.

**iii. Pengagihan Kuota Pembungkus Sementara**

10 kilang penapis dan lapan (8) syarikat pembungkus telah diberikan kuota pembungkus sementara antara 3,300 hingga 4,800 mt sebulan bagi tempoh antara 9 hingga 24 bulan tanpa justifikasi seperti yang dinyatakan dalam Prosedur Operasi Standard (SOP).

#### **iv. Pelantikan Pihak Ketiga Bagi Aktiviti Pembungkusan**

Sebanyak tujuh (7) pemegang kuota telah diberikan kebenaran untuk melantik pihak ketiga bagi melaksanakan aktiviti pembungkusan minyak masak (*toll-pack*) walaupun bertentangan dengan Piawaian Prosedur Operasi COSS.

### **5.2. Keterangan KSU KPPK**

KSU KPPK memaklumkan bahawa salah satu tindakan serta-merta yang telah diambil susulan daripada proses pengauditan tersebut adalah membekukan kelulusan baru dan penambahan kuota minyak di bawah COSS mulai 8 Jun 2016.

Tindakan ini diambil bagi memastikan kelancaran pengauditan dilaksanakan atas pengurusan COSS dan memperkukuhkan mekanisme pelaksanaan COSS. Sehubungan itu juga, KPPK telah mengambil tindakan memperkukuhkan pengurusan COSS. Bagi memantapkan pengurusan COSS, SOP COSS telah diperkukuhkan dan perakuan oleh Jawatankuasa Penilaian COSS dan seterusnya diluluskan Jawatankuasa Kelulusan COSS yang dipengerusikan Menteri KPPK.

Jawatankuasa Kelulusan COSS telah dibubarkan mulai 1 Jun 2014 bagi mengurangkan kerenah birokrasi. Walau bagaimanapun, dengan pelantikan Menteri KPPK pada 1 Julai 2016, Jawatankuasa Kelulusan COSS telah ditubuhkan semula bagi meluluskan perakuan yang dibuat Jawatankuasa Penilaian COSS.

Selain itu, MPOB bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menjalankan pemantauan berkala ke atas pembungkus minyak masak yang merupakan pemegang kuota COSS. Bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 2016, sebanyak 276 lawatan telah dijalankan ke atas 246 pembungkus di seluruh negara.

Bidang kuasa MPOB adalah bagi bungkusan minyak masak 25 kg ke atas manakala KPDNKK adalah bagi bungkusan di bawah 25 kg. Kuota COSS adalah bagi bungkusan plastik 500 gram dan satu (1) kg manakala bungkusan botol ialah satu (1) kilogram (kg), dua (2) kilogram (kg), tiga (3) kilogram (kg) dan lima (5) kilogram (kg).

Daripada laporan pemerhatian JAN yang telah dibentangkan dalam *exit conference* pada 20 Ogos 2016, KPPK telah mempertingkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pemegang-pemegang kuota COSS. Hasil daripada lawatan tersebut, dua (2) pemegang kuota COSS didapati melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dan telah digantung kuota manakala satu lagi pemegang kuota telah dibatalkan kuota miliknya.

KSU KPPK juga memaklumkan bahawa Jemaah Menteri pada 21 September 2016 telah bersetuju KPDNKK mengambil alih pengurusan COSS daripada KPPK mulai 1 November 2016. Ini adalah kerana minyak masak termaktub di bawah seksyen 5, Akta kawalan Bekalan 1961 dan dinyatakan di dalam Jadual 1 Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang dikendalikan oleh KPDNKK.

Selain itu, peranan KPDNKK adalah dalam penguatkuasaan dan pemantauan minyak masak bagi memastikan bekalan dipasaran sentiasa mencukupi.

Walaupun berlakunya penstrukturan semula dalam pengurusan COSS, KPPK masih lagi berperanan dalam menentukan polisi dan dasar berkaitan industri sawit sama ada di pasaran tempatan ataupun antarabangsa.

### 5.3 Keterangan KP MPOB

KP MPOB menjelaskan mengenai mekanisme pelaksanaan COSS, yang bermula dengan proses permohonan. Terdapat dua (2) pihak yang terlibat iaitu kilang penapis dan syarikat pembungkus. Permohonan adalah kepada KPPK. KPPK akan menyemak kelayakan sebelum kelulusan diberikan. Kelulusan ini merupakan kelulusan bersyarat iaitu:

- i. Memiliki premis pembungkusan;
- ii. Mempunyai lesen MPOB kategori membeli dan menyimpan minyak sawit diproses;
- iii. Mempunyai lesen Majlis Perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- iv. Mempunyai lesen peruncit atau pemborong daripada KPDNKK;
- v. Memaklumkan nama dan alamat pembekal minyak sawit *Olein* iaitu kilang penapis; dan
- vi. Menyatakan nama alamat pemborong atau peruncit yang edaran minyak masaknya berpadanan dengan kuota yang diluluskan.

Apabila permohonan telah diluluskan dengan syarat-syarat yang telah dimaklumkan kepada pemohon, MPOB akan membuat lawatan penilaian dan pengesahan di premis syarikat tersebut. Ini bagi memastikan kesediaan premis termasuk kemudahan pembungkusan untuk menjalankan aktiviti membungkus dan juga pengesahan premis pemborong bagi memastikan kesahihan pemborong atau peruncit seperti yang dinyatakan oleh syarikat diluluskan kuota.

Selepas itu, MPOB memaklumkan kepada kilang penapis yang terlibat serta meminta kilang penapis tersebut membekalkan minyak *RBD Palm Olein* iaitu minyak sawit kepada syarikat pembungkus berdasarkan kuota yang diluluskan.

Pembekalan minyak *RBD Palm Olein* kepada syarikat pembungkus di bawah skim COSS adalah berdasarkan kepada harga *threshold* RM1,700 per mt. Kilang penapis akan membuat tuntutan kepada MPOB secara bulanan.

Skim ini melibatkan minyak masak bungkusan 500 gram botol, 1 kg plastik dan 1 kg botol, dua (2) kg botol, tiga (3) kg botol dan lima (5) kg botol.

Ia diedarkan kepada pemborong atau peruncit dan pasar raya besar untuk dijual kepada pengguna di pasaran tempatan sahaja dengan harga yang dikawal KPDNKK.

## **5.4 Penemuan PAC Parlimen**

### **5.4.1 Perbezaan pemantauan dan penguatkuasaan KPPK dan KPDNKK.**

#### **Maklumbalas KPPK**

Walaupun, kuasa MPOB adalah bagi bungkusan melebihi 25 kg ke atas dan kuasa KPDNKK adalah di bawah bungkusan 25 kg, kedua-dua agensi sentiasa bekerjasama melakukan pemantauan berkala. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2016, sebanyak 276 lawatan telah dijalankan ke atas 246 buah premis pembungkusan.

Selain itu, pada tahun 2014 dan 2015 KPPK pernah membuat penggantungan kuota kepada syarikat-syarikat yang tidak beroperasi ataupun syarikat-syarikat yang memberi upah kepada lain-lain syarikat. Walau bagaimanapun, kekerapan lawatan tidak dapat dilaksanakan pada setiap bulan dan ianya dilaksanakan mengikut kawasan.

### **5.4.2 Tindakan yang diambil terhadap kilang yang tidak mematuhi SOP.**

#### **Maklumbalas KPPK**

Terdapat 2 perkara yang terlibat iaitu:

#### **i. Lesen**

Lesen yang dikeluarkan oleh MPOB adalah bertujuan untuk membeli minyak, membungkus dan mengedar tetapi sekiranya syarikat tidak mematuhi syarat yang

ditetapkan oleh penguasa-penguasa tempatan seperti kebersihan kawasan atau tidak mempunyai sijil halal maka kuota yang diluluskan boleh ditarik balik.

ii. Kuota

Sekiranya kuota yang diluluskan disalahgunakan, KPPK berhak menarik balik kuota tersebut.

**5.4.3 Menangani ketirisan minyak masak dalam pasaran dan tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah berkenaan.**

**Maklumbalas KPPK**

Minyak masak yang dibungkus tidak membezakan antara penggunaan isi rumah atau penggunaan industri. Memandangkan tidak terdapat perbezaan penggunaan isi rumah atau industri ianya boleh dibeli sekaligus dan digunakan untuk industri.

**Maklumbalas KPDNKK**

Isu ketirisan adalah satu isu yang dikatakan salah satu punca berlakunya kekurangan bekalan minyak sawit dalam pasaran tempatan. Pihak KPDNKK, khususnya akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kastam Diraja Malaysia dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) bagi mengatasi masalah tersebut.

#### **5.4.4 Penjelasan mengenai sebab Kerajaan menyerahkan pengurusan COSS kepada KPDNKK**

##### **Maklumbalas KPPK**

Inisiatif untuk memberikan pengurusan skim ini kepada KPDNKK adalah disebabkan:

- i. Kerajaan berpendapat pengurusan ini lebih sesuai diuruskan oleh KPDNKK kerana pihak KPDNKK telahpun menguruskan subsidi tepung, gula dan sebagainya; dan
- ii. Di bawah Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Jadual 1 Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang dikendalikan oleh KPDNKK, minyak masak telah disenaraikan sebagai satu barang yang dikawal. Oleh itu pengurusan dan kawalan adalah sesuai diuruskan oleh KPDNKK.

#### **5.4.5 Penjelasan mengenai kilang yang dilesenkan di Sabah/Sarawak tetapi beroperasi di Semenanjung Malaysia.**

##### **Maklumbalas KPPK**

Pada tahun 2015 dan 2016 terdapat perubahan pada kuota iaitu mana-mana pemegang kuota yang tidak menggunakan 100 peratus sepenuhnya kuota yang telah diluluskan maka



KPPK akan menarik balik kuota tersebut dan diberi kepada pemegang kuota yang baru. Dalam proses penyusunan semula terdapat kekurangan sebanyak 15,000 mt. Oleh demikian, KPPK telah membenarkan pemegang kuota baru di Semenanjung Malaysia yang diberikan kelulusan untuk beroperasi di Sabah/Sarawak.

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 27/2016 pada Khamis 8 Disember 2016**

## **6. RUMUSAN PAC PARLIMEN**

PAC Parlimen berpendapat langkah kerajaan memutuskan KPDNKK mengambil alih pengurusan subsidi minyak masak daripada KPPK adalah tepat oleh kerana minyak masak adalah barang kepenggunaan di bawah bidang kuasa KPDNKK.

Selain itu, kerjasama antara Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan dalam melaksanakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya ketirisan tidak berlaku yang boleh menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan jumlah subsidi yang besar untuk COSS.


## **7. SYOR PAC PARLIMEN**

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Meminta pihak yang berkepentingan supaya mengkaji semula sistem dan mekanisme pemantauan minyak masak dengan lebih berkesan.
- 7.2 Mempertingkatkan pemantauan melalui penguatkuasaan antara Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan selain membabitkan NGO seperti Persatuan Pengguna bagi mengelakkan berlakunya masalah kekurangan minyak masak dalam pasaran tempatan sekali gus menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung jumlah subsidi yang besar.

- 7.3 Memastikan kuota minyak masak diberikan kepada pengusaha yang benar-benar layak dan mempunyai kilang sendiri serta *track record* yang baik.

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 27/2016 pada Khamis 8 Disember 2016**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 27/2016 PADA KHAMIS 8 DISEMBER 2016  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN  
SEMENTARA PARLIMEN**

<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<b>8 Disember 2016 (Khamis)  10.30 pagi</b>	<b>Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak</b>	<b>1. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi</b>

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 27/2016 pada Khamis 8 Desember 2016**

**Bil. 27**

**Khamis  
8 Disember 2016**



**MALAYSIA**

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengurusan Skim Penstabilan Harga  
Minyak Masak**

**- Kementerian Perusahaan Perladangan  
Dan Komoditi**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT**



---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A  
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA  
KHAMIS, 8 DISEMBER 2016**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**URUS SETIA**

Puan Lavinia A/P Vyveganathan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat)]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah (Audit Prestasi III) (Sektor Audit Prestasi)]  
Puan Noor Aslinda binti Nasron [Ketua Penolong Pengarah Audit]  
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit]  
Puan Ruhana binti Mohamad Zam [Penolong Pengarah Sektor Pengurusan (Susulan Audit)]  
Puan Juliana binti Shariman [Penolong Pengarah Audit]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mansor bin Maizan [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina binti Kamarudin [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Perakaunan Persekutuan)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Puan Suhana binti Md. Saleh [Timbalan Pengarah 2 (Pertanian)]

**SAKSI-SAKSI**

**Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**

YBhg. Datuk M. Nagarajan [Ketua Setiausaha]

Puan Zurinah binti Pawanteh [Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi)]

Dr. Sugumari A/P S. Shanmugam [Setiausaha Bahagian (Industri Sawit & Sago)]

Puan Norhana binti Abdul Majid [Timbalan Setiausaha Bahagian (Industri Sawit & Sago)]

Puan Siti Madzlina binti Salahudin [Ketua Penolong Setiausaha (Industri Sawit & Sago)]

Puan Raja Raimi binti Dato' Raja Nasron [Penolong Setiausaha (Industri Sawit & Sago)]

Puan Noor Shahlawaty binti Mohamed Zubir [Pegawai Khas Ketua Setiausaha]

**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**

Dr. Haji Ahmad Kushairi bin Din [Ketua Pengarah]

Encik Abdul Jalil bin Murad [Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan]

Puan Norihan binti Husain [Ketua Unit Pembangunan Industri Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri]

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

Encik Muez bin Abd. Aziz [Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Khamis, 8 Disember 2016****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.41 pagi***[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Pengerusi:** Okey boleh kita mula ya? *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah iaitu Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha PAC, Pengarah-pengarah Jabatan Audit Negara dan pegawai-pegawai Jabatan Audit, seterusnya pegawai-pegawai daripada kementerian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat hadir pada pagi ini.

Hari ini kita meneruskan prosiding PAC membabitkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi membabitkan tajuk iaitu Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak atau ringkasnya dikenal sebagai COSS. Hadir bagi memberi penjelasan terhadap isu ini yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan dan Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Oh, *Chairman* tidak ada sini, *Chairman [Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sebagai latar belakang COSS ini yang dilaksanakan oleh KPPK berikutan kenaikan harga masak mentah yang tinggi pada suku tahun kedua tahun 2006 dan awal tahun 2007. COSS merupakan skim pembayaran subsidi minyak masak kepada kilang penapis minyak pada kadar bulanan dan subsidi dikira berdasarkan harga paras iaitu RM1,700 per metrik tan dengan harga purata minyak mentah sawit yang dikeluarkan oleh MPOB dan terhad kepada kuota pengkhususan minyak masak yang diluluskan oleh KPPK.

Setakat April 2016 kuota minyak masak berjumlah RM80,169 tan metrik sebulan telah diluluskan dan diagihkan kepada 25 buah kilang penapis serta 241 buah syarikat pembungkusan. Amaun pembayaran seperti yang diberikan kerajaan untuk COSS ini ialah tempoh tiga tahun daripada 2013 hingga 2016 adalah berjumlah, oh banyak ini, RM2.388 bilion. Tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 ya. Jadi sebelum itu kita mempersilakanlah Jabatan Audit Negara untuk menjelaskan perkara ini terlebih dahulu.

**Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah (Audit Prestasi III) (Sektor Audit Prestasi), Jabatan Audit Negara]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Pengerusi. Okey Tuan Pengerusi untuk pembentangan ini saya minta ahli pasukan sendiri yang akan membentangkannya Encik Faez.

**Tuan Pengerusi:** Encik Faez.

**Puan Yusnani binti Zakaria:** Ya. Sebab kami di Audit Negara sekarang ini sedang mengalami *restructure*, jadi pasukan pun sudah ke lain. Jadi untuk pembentangan ini saya minta ahli pasukan sendirilah yang membentangkan.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan Salam Sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai dari agensi pusat. Saya teruskan pembentangan berkaitan dengan Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak atau lebih dikenali sebagai COSS, okey. COSS mula diperkenalkan pada tahun 2007 di bawah kawal selia Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Bahagian yang *in charge* Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sago atau kita kenali sebagai BISS dengan objektif untuk membendung kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak.

Kedua, menstabilkan harga runcit minyak masak dalam bungkusan lima kilogram ke bawah untuk pengguna isi rumah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga minyak masak bagi bungkusan bawah lima kilogram dikawal ataupun diletak harga kawalan oleh KPDNKK.

Ketiga adalah untuk memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.

Okey, sebelum kita pergi lebih lanjut kita tengok carta alih pengurusan COSS, yang mana permohonan akan diterima oleh MPIC dan akan dibawa ke Jawatankuasa Penilaian Kos untuk perakuan dan setelah diperakukan akan dibawa kepada Menteri untuk kelulusan.

**Tuan Pengerusi:** MP apa? MPIC.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** MPIC.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat), Kementerian Kewangan]:** *MPIC is actually ministry.*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** *Ministry.*

**Encik Rosli bin Yaakub:** Perladangan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Okey. Setelah kelulusan diberi oleh Menteri, MPOB yakni *Malaysia Palm Oil Board* akan dimaklumkan dan akan mengeluarkan surat kelulusan bersama kuota yang diluluskan kepada syarikat pembungkus dan juga kilang penapis. Bermakna pada setiap bulan kilang penapis akan membekalkan minyak masak minyak sawit mentah kepada syarikat pembungkus pada harga RM1,700 per tan metrik. Pada akhir bulan, kilang penapis akan menuntut perbezaan harga

antara *threshold* RM1,700 dengan harga pasaran iaitu antara RM2,400 hingga RM3,300 pada tempoh tiga tahun untuk dibayar subsidi oleh MPOB. Kalau kita tengok graf yang ada sekarang ini ialah pergerakan harga minyak sawit di Malaysia pada tahun 2013 hingga tahun 2015. Pada harga *threshold* RM1,700- kerajaan telah pernah membayar subsidi tertinggi pada Mac 2014 pada kadar RM1,303 per tan metrik dan sekiranya di *compare* pada keseluruhan kuota adalah berjumlah RM107 juta sebulan dan terendah pada tahun Ogos 2015 pada harga RM472 per tan metrik.

Itu anggaran perbelanjaan sebanyak RM38 juta. So, apa yang kita boleh nampak perbezaan harga yang tidak sekata bagi minyak sawit mentah di pasaran itu yang menyebabkan COSS ini diperkenalkan.

**Tuan Pengerusi:** Macam sekarang RM3,200, RM3,100 untuk...

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Ha, betul. Untuk bulan ini 2016 *around* RM2,800 ke RM3,000 lebih harga minyak sawit.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** RM3,000 tolak RM1,700 berapa?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** RM1,300. Ini harga tertinggi yang kita pernah dapat harga minyak sawit RM3,303 yang inilah. Okey, dan untuk tempoh 2013 sehingga April 2016 jumlah perbelanjaan subsidi adalah sebanyak RM2.38 bilion. Okey, kita pergi kepada penemuan audit yang mana empat di atas merupakan punca kepada penyelewengan ataupun ketirisan iaitu daripada segi mekanisme penetapan kuota kos.

Kedua daripada segi kelayakan pengagihan kuota kos tidak dipatuhi. Ketiga, pelantikan pihak ketiga bagi aktiviti pembungkusan minyak masak. Keempat, pengagihan kuota bungkus sementara dan yang kelima ini ialah kesan. Kesan ataupun contoh kepada penyelewengan dan ketirisan yang berlaku iaitu daripada segi prestasi pemegang kuota.

Bagi tujuan pembentangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita terus kepada impak dahulu supaya kita dapat lihat betapa serius ketirisan ataupun penyelewengan yang berlaku bagi dalam COSS.

#### ■1050

Lawatan fizikal audit telah dilaksanakan kepada 17 orang pemegang kuota. Daripada 17, ini sampel daripada 241 kuota yang diluluskan pada April 2016. Sembilan daripada 17 ini didapati tidak mematuhi syarat-syarat COSS yang ditetapkan. Antara syarat-syarat yang tidak dipatuhi adalah daripada segi rekod pembelian dan penjualan minyak masak yang tidak lengkap dan tidak kemas kini. Maknanya kita tidak boleh hendak kenal pasti berapa banyak minyak yang masuk, berapa banyak minyak yang telah dijual di pasaran.

Kedua, daripada segi tahap kebersihan premis yang rendah. Minyak masak ini dia berkait rapat dengan pensijilan halal dan juga MeSTI yang mana salah satu syarat adalah daripada segi kebersihan. Ketiga, yang serius ialah pemegang kuota tidak melaksanakan aktiviti pembungkusan minyak masak.

Maknanya telah diberi kuota, tetapi aktiviti pembungkusan minyak masak untuk kegunaan isi rumah di Malaysia tidak dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Dalam *tanker* ya?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Dalam *tanker* tetapi dia tidak bungkus untuk domestik. *Maybe* dieksport ataupun diseludup keluar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Antara salah satu kelemahan yang kami temui adalah berkaitan dengan pemantauan untuk aktiviti pembungkusan minyak masak. Ini contoh lawatan yang kami pergi di negeri Johor yang mana kalau kita tengok gambar pertama, ini merujuk kepada Izumia Enterprise. Kuota yang diluluskan rendah, 50 tan metrik sebulan sahaja. Akan tetapi pada *time* lawatan Audit dibuat, didapati tiada bukti minyak dibungkus pada hari berkenaan walaupun sehari sebelum itu dia baru terima 17 tan metrik minyak. Mengikut rekod...

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Ini, *just* untuk kefahamanlah Tuan Pengerusi, minyak 17 tan itu dari mana?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Dari kilang penapis ke syarikat pembungkus.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Okey. Dari kilang penapis ya.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Okey. Kalau menurut rekod, sehari sebelum tarikh lawatan, 17 tan minyak diterima dan pada lawatan ke lokasi, didapati tiada botol-botol pembungkusan dan baki dalam tangki pun sudah tidak ada.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Inilah masalah bumiputera. Macam mana mahu bantu.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Semakan terhadap rekod-rekod yang diselenggara hanya setakat Mei 2016, walaupun lawatan pada Jun 2016. Ini contoh yang pertama kepada pemegang kuota yang rendah.

Ini pemegang kuota kepada Puncak Evolusi Dagangan Sdn. Bhd. Jumlah kuota diluluskan sebanyak 200 tan metrik. Pada hari lawatan dibuat, kita tengok memang ada mesin apa semua tetapi minyak yang dibungkus adalah untuk dieksport, bukannya untuk kegunaan domestik.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Bahaya ni...

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Ini di Johor. Premis di Johor.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sepatutnya minyak yang datang itu untuk...

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Domestik. Untuk rakyat kita, isi rumah.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Macam mana *you differentiate* antara domestik punya minyak dengan untuk dieksport?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Untuk domestik dia akan ada untuk lima kilogram ke bawah. Contoh botol yang paling besar ialah MySuri inilah. Ini yang jenama didaftarkan, dalam gambar ini. Ini

lima kilogram. Akan tetapi kalau untuk eksport dia akan dalam bungkusan pek besar 20 liter ataupun dalam botol yang berwarna oren. Ini contoh minyak masak yang siap untuk dieksport.

**Tuan Pengerusi:** Yang gambar tu untuk eksport ya?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** MySuri ke?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Bukan, brand lain. Untuk dieksport itu Olein. MySuri ini *brand* milik syarikat yang sepatutnya dibungkus untuk pasaran tempatan, yang dijumpai hanya empat botol sahaja yang MySuri punya.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Contoh yang berikutnya adalah lawatan fizikal audit ke lokasi Azbi Trading Sdn. Bhd., pemegang kuota sebanyak 400 tan metrik sebulan. Didapati kilang sudah tidak beroperasi. Berdasarkan temu bual pihak Audit, didapati syarikat telah tidak beroperasi untuk tempoh yang lama dan disubkan aktiviti pembungkusan kepada syarikat pembungkusan yang lain. Akan tetapi daripada segi rekod penghantaran minyak, semua ke premis yang inilah. Rekod ke premis yang ini, tetapi aktiviti tidak ada di sini.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dia buat di mana? *You do not know?* Audit tidak tahulah dia buat di mana?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Tidak tahu dia buat di mana. Ini untuk Azbi Trading Sdn. Bhd. untuk di Johor. Kita pergi kepada di Selangor.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Untuk di Selangor, dua isu yang besar kami jumpai iaitu satu di Kemas Kapital Sdn. Bhd. yang mana kuota diluluskan sebanyak 500 tan metrik sebulan. Pada tarikh lawatan fizikal dilaksanakan, lori sepatutnya sudah sampai tengah hari, telah diakui terima tetapi bila kami pergi petang itu minyak *just* berbaki sebanyak 2.5 tan sahaja. Bungkusan yang telah siap hanya 1.7 tan. Itu pun tidak tahu sama ada dia bungkus pada hari berkenaan atau pada hari sebelumnya. Hanya satu buah mesin yang boleh berfungsi dan seorang pekerja sahaja untuk membuat semua kerja ini. Jumlah perbezaan tan yang kami temui ialah sebanyak 7.29 tan untuk hari itu sahaja yang tidak dapat dikesan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Kotak itu untuk domestiklah ya?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Ya, itu yang sudah siap dibungkus.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Domestik?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Domestik. Kalau ikut baki yang ada sepatutnya *pallet* yang ada itu lebih daripada 10 *pallet*. Akan tetapi yang dapat dikesan pada waktu pagi hingga tengah hari hanya dua *pallet* sahaja.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini lawatan mengejutlah ini?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Lawatan mengejut... *[Disampuk]* Mengejut.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Plai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Sebab selepas lawatan dibuat, kami pergi lawatan dengan MPOB dan juga wakil pegawai MPIC. Maknanya selepas lawatan dibuat, pihak kementerian dan pihak MPOB telah ambil maklum dan kami terus buat aduan minyak tidak sampai di premis. Tindakan selanjutnya oleh MPOB untuk siasatan lanjut.

Ini untuk stok kuota tertinggi yang dia dapat ialah sebanyak 2,000 tan metrik sebulan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Paling banyaklah ini.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Ini paling banyak. Didapati premis tidak- syarikat ini telah pindah premis dari Damansara ke Kuala Selangor dan dia beroperasi dalam kompaun syarikat kilang penapis minyak itu sendiri. Maknanya minyak disalurkan dari kilang terus *piping* masuk ke tangki syarikat. Berdasarkan lawatan kami, *supposedly* dia akan bungkus sekitar 25 tan metrik sehari sebab dengan kuota 2,000 dibahagi dengan 25. Akan tetapi pada tarikh lawatan, hanya ada satu *pallet* sahaja yang sudah siap... [Disampuk] Waktu lawatan ini tengah hari. So *supposedly* sudah banyak sudah di kilang ini. *Then* bila kami tengok kotak-kotak dia, plastik-plastik pembungkusan pun macam sudah lama tidak bersentuh dan dalam keadaan berhabuk.

*Time* lawatan dibuat, didapati plastik yang digunakan itu ialah plastik yang lama. *Supposedly* bila minyak dibungkus, tarikh *expired* ialah setahun akan datang. Akan tetapi yang ini kita pergi bulan Jun, dia *expired* hujung bulan... [Disampuk] Ya, Disember 2016. *Supposedly* dia akan *expired* Disember 2017. So maknanya kita hendak tunjukkan yang plastik dia gunakan ini pun plastik yang sudah lama.

Tadi contoh-contoh ketirisan ataupun penyelewengan yang berlaku dalam industri. Kita tengok mengapa walaupun minyak tidak banyak di-*produce* untuk kegunaan domestik, tetapi tidak berlaku sebarang *shortage* di pasaran. Antara penemuan kami, didapati sebanyak- *shortage* tidak berlaku di pasaran antaranya disebabkan kuota yang ditetapkan, maksimum kuota yang ditetapkan untuk bungkus minyak masak itu sudah terlampau tinggi. Contoh yang diluluskan oleh kerajaan, bagi kuota minyak masak dikira berasaskan penggunaan per kapita sebulan bagi setiap isu rumah di Malaysia ialah sebanyak 2.5 kilogram seorang sebulan.

Sekiranya ada enam orang, isi rumah, so darab dengan enam lah seorang. Jumlah kuota yang diluluskan pada tahun 2013 sebanyak 85,405 tan sebulan ini merangkumi termasuk juga 2.32 juta orang warga asing diambil kira dalam pengiraan kuota. So kalau ikut rasionalisasi subsidi, subsidi hanya untuk warganegara Malaysia, sepatutnya.

Setakat April 2016, kuota yang telah diagihkan sebanyak 82,169 tan metrik sebulan kepada 25 buah kilang penapis dan juga 241 buah syarikat pembungkus.

#### ■1100

Kalau kita tengok maklum balas daripada MPIC, penggunaan 2.5 kilogram per kapita yakni per seorang adalah berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *Oil World* iaitu *World Fats Consumption* pada tahun 2012 yang menyatakan setiap rakyat Malaysia menggunakan 2.5 kilogram minyak sebulan tetapi minyak yang digunakan pada pandangan kami bukan menjurus kepada minyak sawit semata-mata termasuk minyak jagung, lemak-lemak yang lainlah, okey. So bila digunakan asas 2.5 kilogram untuk



pengiraan kuota tak relevan sebab apa yang kita hendak fokus ialah minyak sawit sahaja dan juga untuk penggunaan domestik. Maknanya dia perlu buat kajian keperluan pengguna apa semua, semua itu tak dibuat. Dia *just* ambil bulat-bulat daripada *Oil World consumption* sahaja.

Okey, so kalau mengikut untuk membuktikan 2.5 kilogram per kapita adalah tidak wajar pihak audit telah membuat *survey* kepada warga audit dan juga warga MPIC dan didapati daripada 323 orang responden, penggunaan minyak masak per kapita sebanyak 1.5 kilo sahaja seorang berdasarkan kami punya *survey*-lah dari satu kilo. So kalau satu kilo dia akan lari sebanyak 30,000 tan metrik sebulan anggaran.

Okey, daripada kuota maksimum tadi yang diluluskan oleh kerajaan sebanyak 85,405, pada April 82,169 telah diagihkan tetapi selain daripada 82,169 ini, MPIC ada luluskan kuota bungkus sementara *this mean* tambahan daripada kuota yang telah direalisasikan. Okey, kuota bungkus sementara ini kalau kita hendak tengok tempoh bulan Januari 2016, sebanyak 3,300 tan telah diagihkan kepada 10 buah kilang dan lapan buah syarikat. Ini menyebabkan total keseluruhan kuota telah berlebihi dengan kuota maksimum yang diluluskan oleh kerajaan.

Untuk tempoh Januari sebanyak 64 tan metrik, untuk Februari hingga Mac sebanyak 464 tan metrik, April hingga Disember sebanyak 354 tan metrik. Total sebanyak 882 tan dan sekiranya kalau kita ambil kira harga *average* sebanyak 2,400 tan metrik harga minyak sawit, perbelanjaan tambahan kepada kerajaan ialah sebanyak 2.92 juta. Okey, anggaran yang kami buat ini dengan anggapan semua syarikat *perform*, maknanya penuhi semua kuota yang diluluskan. Maknanya tidak ada *short*, tak ada apa. *On top of it* diluluskan kuota bungkus sementara pun yang menyebabkan lebihan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini audit ya *Chairman*. saya tak berapa faham sikitlah kuota sebenarnya 85,000 *is the total* seluruh negara ya.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Maksimum.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Selepas itu kuota semasa April 82. *What do you mean by* kuota bungkus sementara ini apa? Apakah maknanya?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Kuota bungkus sementara ini kalau kita tengok SOP-sekejap ya. Okey dalam SOP kos ditetapkan, kuota boleh dialihkan maknanya contoh syarikat A ada 100 tan metrik minyak. Dia boleh dialihkan kepada syarikat yang lain dengan syarat ada berlakunya bencana alam, ada berlaku kebersihan dipertikaikan, ada berlakunya mesin rosak.

Sebenarnya kita tak nak *shortage* dekat pasaran, kita alihkan kuota yang asal daripada 'A' kepada syarikat 'B'. Itu dalam SOP cakaplah tetapi apa yang berlaku sekarang ini dia bukan dialihkan, ditambah, tambahan. So maknanya kuota yang 85,000 ini kuota maksimum yang kerajaan benarkan. Maknanya kita anugerah banyak mana pun maksimum limitnya 85,000. Jumlah yang telah direalisasikan adalah 82 pada April tetapi selain daripada 82 ini ditambah lagi yang bungkus sementara menjadikan lebihan kepada kuota maksimum yang dibenarkan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *So in simple word*, maksudnya kalau ada masalah bencana *it should be* macam Februari to Mac sepatutnya 82,000 tolak 37,000 dialihkan kepada syarikat lainlah.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** *So* maknanya 82,169 tadi dia tak akan berubah. Dia *just* ada perubahan syarikat sahaja.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sepatutnya ditolak, bukan dicampur.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Betul.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tolak itu baki dia macam 37,000 dialihkan kepada inilah.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Betul.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Jadi jumlah semasa akan menurunkan. Akan tetapi okey, okey.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Kelulusan yang diberikan ini diberi pada bulan Mac dan sehingga Disember. Maknanya kalau ikut SOP maksimum dia boleh bungkus sementara enam bulan sahaja tetapi kita sudah *extend* sampai tempoh 24 bulan. Okey.

Tadi kita tengok punca yang pertama kuota, yang kedua- tambahan kuota tadi dan yang ketiga, kita tengok berdasarkan sampel 16 buah syarikat, setiap syarikat pembungkus yang hendak mohon kuota dia ada syarat modal berbayar. Modal berbayar ini diperlukan untuk kelangsungan bekalan sebab bila syarikat membeli minyak dari kilang, dia kena bayar *cash*-lah terus.

So bila benda itu berpusing kelangsungan modal berbayar itu sangat penting sebab itu ambil kira dalam kelayakan. Kalau ikut kelayakan modal berbayar antara- modal minimum RM100,000 dan kalau dia ada modal berbayar sehingga RM200,000, dia boleh di *award* sebanyak 200 tan metrik.

Okey daripada lima buah syarikat yang dibeli ini, didapati modal berbayar pada masa semakan lebih rendah daripada modal berbayar sepatutnya. Sebagai contoh HA Tekad Resources Sdn. Bhd. dia ada RM500,000 dia telah diluluskan 500 tan metrik. Akan tetapi kalau ikut SOP dia layak hanya 300 tan metrik sahaja. So ada perbezaan sebanyak 200 tan metrik.

Contoh Kemas Kapital Sdn. Bhd. dia ada modal berbayar RM200,000. Kalau ikut kelayakan dia layak 100 tan metrik sahaja tetapi kita sudah beri dia 600 tan metrik, perbezaan sebanyak 500 tan metrik... *[Disampuk]* Saya rasa pihak kementerian jawab nanti yang ini. Sebab ini kelulusan semua atas menteri sahaja... *[Disampuk]* Ya... *[Disampuk]* Tidak *sure*. Akan tetapi dalam SOP cakap memang kelulusan mutlak Menteri yang akan luluskan. Okey... *[Disampuk]* Sabah kami tidak pergi untuk sampel. Kami *just* pergi untuk Johor dan Selangor... *[Disampuk]* Banyak. Okey, tadi daripada segi modal berbayar.

Ketiga pula daripada segi aktiviti pembungkusan.

Untuk syarikat layak menerima kuota dia kena ada premis, dia kena ada mesin dan dia kena ada *tank* yang berasingan dengan sebarang *facility* untuk eksport. So maknanya bila kita dapat kuota, kita kena buat pembungkusan sendiri. Akan tetapi ada tujuh buah syarikat yang telah diberikan kuota *toll-pack* maknanya dia boleh melantik pihak ketiga untuk membungkus bagi pihaknya. So maknanya apa

yang hendak disampaikan dia contoh ambil keuntungan mudah sahajalah atas angin. Dia dapat kuota tetapi dia sub kepada orang lain untuk buat kerja. Ada tujuh buah syarikat telah diberikan kebenaran untuk *toll-pack*. Contoh yang paling ketara pada tahun 2015, Sawit Raya Oil (Sarawak) sepatutnya dibekalkan minyak di Sarawak tetapi aktiviti *toll-pack* telah dilaksanakan oleh syarikat di Semenanjung.

Sama ada minyak sampai di Sarawak atau tak kami tak dapat hendak sahkan. Sebab berdasarkan dokumen, dia *stop* dekat Semenanjung sahajalah untuk 1,000 tan metrik. Syarikat ini hanya diluluskan untuk setahun sahaja selepas itu... [Disampuk] Sawit Raya Sdn. Bhd. ini kilang dekat sini. Sawit Raya Oil (Sarawak) ini tak *sure*. Di sini tetapi dia kena bekal ke Sarawak, sepatutnya... [Disampuk] Di Sarawak, betul... [Disampuk] Akan tetapi minyak di *supply* di sini yang kementerian akan jawab *part-part* ini.

Okey untuk 2016, ada tiga *company* macam Hexa Suria, Boon C Far, Palmastic ini dia dapat kuota tetapi dia ada tempoh enam bulan untuk *realize*, *realize* ini *it's mean* dia boleh bungkus sebab dia perlu beli mesin dan semualah. Tetapi dalam tempoh enam bulan itu telah di *toll-pack*-kan. Maknanya kuota dia telah dibungkus oleh pihak lain.

■1110

Ini *company* barulah tetapi yang 2013, 2014 dan 2015...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Toll-packing* ini masih sampai sekaranglah? Tahun 2013, 2014 itu masih lagi?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Kalau berdasarkan, ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sampai sekarang?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Berdasarkan maklum balas daripada kementerian aktiviti *toll-pack* telah dihentikan sepenuhnya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Bilakah?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Mulai Oktober 2016.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Oktober 2016.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Selepas *query* audit keluarlah maksudnya.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Maknanya sepatutnya dia tidak boleh sub kan?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Sepatutnya tidak boleh.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Ada dalam *terms and reference*?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Ada. Dalam SOP ada cakap tidak boleh sub.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** SOP ada ya. Okey.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Okey, itu sahaja daripada pihak audit..

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Syarikat yang mendapat kuota, 241 buah syarikat dicampur dengan 25 buah kilang pembungkus. So, total dalam 266.

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yang bermasalah- *yes*. *Toll-pack* ini yang bermasalah sahaja- *toll-pack*. Yang depan tadi itu *based on sample* sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Tidak. Kami pergi untuk 17 sampel sahaja daripada 241 buah sampel. So, yang lain itu banyak lagi yang berlaku.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Kami pergi pun tidak sampai satu *percent on sample*.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Okey, sebab macam ini Yang Berhormat. Kami ada *limitation*, satu daripada segi kos. Satu lagi bila kita pergi bukannya daripada segi *live* punya *operation*, kita tidak boleh *trace* minyak itu ada seleweng atau pun tidak. So, maknanya kalau kita pergi sudah rancang, dia orang sudah tahu. So, dia orang- bila mengejut. Bila kami sudah pergi ke satu buah negeri, negeri lain akan *alert*. *That's why* kami sampel dua itu yang kami pergi *one shot* sahaja terus.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Contoh yang Kemas Kapital Sdn. Bhd. pun kami pergi pagi-bulan puasa. Baru kami dapat *info* lori sampai. So, kami *hold-* tunggu lori sampai dan sampai tengah hari lori tidak sampai pun sebenarnya. Petang baru kami masuk. Lepas itu, minyak sudah tiada.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Pengerusi. Kalau macam inilah saya hendak tanya, audit pergi dapat *findings* tetapi waktu itu tidak ada apa-apa tindakanlah? Kalau tidak ada apa-apa tindakan, masih berjalan.

**Puan Ruhana binti Mohamad Zam [Penolong Pengarah Sektor Pengurusan (Susulan Audit), Jabatan Audit Negara]:** Yang Berhormat, semasa pasukan audit buat maknanya kita, sekarang ini bahagian kami ini ada dua bahagian satu Bahagian Susulan Audit. Bahagian Susulan Audit ini kami pergi di mana daripada mereka- contohnya kita pergi *ground*, pergi MPOB dan kita tengok macam April tadi dia kata ada perbezaan. So, kita buat *the other month*. *For example*; September and Oktober. Kita nampak memang ada MPOB sendiri membuat pelaksanaan di MPOB. Maknanya arahan diterima daripada *policy maker*, MPIC. So, MPIC bagi arahan kepada MPOB *sometimes by called, sometimes by emailed* tetapi tiada satu SOP yang khas untuk pelaksanaan.

Jadi, dia akan buat *adjustment* di MPOB. Maknanya, *for example*; September dia bagi kurang dia akan buat *additional* pada Oktober. Akan tetapi, *in between on top of that there's a quota* sementara *also*. Jadi, di situ kita nampak walaupun berlaku apa yang MPIC kata tadi dia ada tetapi penguatkuasaan dia adalah sangat kurang di mana kita tidak tahu sama ada *by called* benda itu *exactly* ataupun tidak.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Laporan sahajalah.

**Puan Ruhana binti Mohamad Zam:** Ya.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Akan tetapi tidak tahu benar ke tidak benar, tidak tahu.

**Puan Ruhana binti Mohamad Zam:** Kita berurusan selanjutnya dalam satu mesyuarat pada 29 November. Kita bersama *committee* kita yang lain MoF dan juga dengan AGC dan SPRM. Kita ada perbincangan untuk tindakan selanjutnya di pihak-pihak agensi penguat kuasa.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Susulan beberapa...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Puan Ruhana binti Mohamad Zam:** Selepas bahagian pasukan Audit membuat pengauditan. Bahagian kami akan buat susulan sebelum kita bawa kepada mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara sebelum *town hall* yang dipengerusikan oleh KSN. Jadi dalam situ, masa yang kita ambil sebulan ataupun dua bulan untuk- kita tidak pergi *the whole* kajian tetapi kita *zooming* pada isu yang ada potensi untuk lebih ketirisan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Tuan Pengerusi saya hendak tanya pihak Audit. Saya nampak sekarang ini proses *flow* pengawalan kuota bagi minyak masak ini daripada MPOB punya 85 *million* tan-apa benda itu. Lepas itu, dia pergi kepada pembungkus. Lepas itu, *consumer* dia tidak ada *control*. Isunya di sini ialah pada pelanggan ini 85,000 itu tidak sampai kepada pelanggan. Jadi, saya nampak di sini ada kekurangan daripada segi pengawalan proses sampai kepada pelanggan.

Contohnya macam di Langkawi baru ini, bila kerajaan *imposed* rokok dan arak hanya boleh beli di kedai bebas cukai untuk mengatasi masalah penyeludupan. Penggunaan hanya 179 juta batang rokok tetapi masuk ke Langkawi dengan Labuan 1,300 juta. Maksudnya 10 kali ganda- *cigarette* itu. Jadi sekarang ini, bila kastam pergi *control* di kedai itu ambil data semua barulah dapat di mana ketirisannya.

Jadi dalam hal minyak masak ini, saya rasa penguatkuasaan kena dirombak semula supaya kita boleh *control* pada pelanggan yang beli. Sekarang ini, tiada- masuk itu tidak cukup tambah. Tidak cukup tambah. Benda itu pergi Singapore. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Keperluan negara 45,000 ya? Keperluan sebenar?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Keperluan sebenar tidak dibuat kajian.

**Tuan Pengerusi:** 45,000 ingat tidak itu? Kalau 2.5- kalau 1.5 berapa?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Itulah.

**Tuan Pengerusi:** 45 hingga 50,000 lah *sure*?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Itu yang 50 ribu *based on* 1.5, kan?

**Tuan Pengerusi:** Tidak 2.5.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sepatutnyalah.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Okey, kalau ikut mekanisme yang baru sekarang. Pada November 2016, pengurusan kos ini telah diambil alih oleh KPDNKK. Isu yang berlaku sebelum ini, bila MPOB dan MPIC yang uruskan. MPOB had kuasa penguatkuasaan adalah untuk industri. Iaitu untuk 17 kilo ke atas. Manakala, bagi lima kilo ke bawah adalah bawah bidang kuasa KPDNKK. So, *coordination* antara MPOB yang menguruskan COSS dengan KPDNKK- tiada.

Data daripada segi pengguna KPDNKK yang *handle*. Akan tetapi kalau daripada segi kuota-MPIC yang *handle*. Okey, kalau ikut November 2016 sebagaimana yang kami dimaklumkan mekanisme baru yang diperkenalkan kuota dibenarkan sehingga 50,000 tan metrik sahaja dengan anggaran penggunaan per isi rumah bagi 30 juta orang rakyat Malaysia ialah sebanyak 1.5 kilogram seorang, sebulan.

So, kalau *different* dengan yang sebelumnya ini satu kilogram seorang dan ada lebih kuota sebanyak 30,000 tan metrik sebulan. Okey, bila ada lebih kuota 30,000 tan metrik sebulan- bila berlakunya penyelewengan kalau kita tengok 2,000 tan metrik makna dia ada 2 juta *pack* dekat pasaran. Dia *short* tetapi tidak siapa sedar sebabkan lebih kuota itu yang ada yang berlaku.

So, bila 50,000 ini kalau *short* kita akan tahulah. Sebabkan kita tahu pengguna kita hendak lebih tetapi kita tawarkan sedikit. *Before* ini, pengguna *maybe* hendak kurang tetapi kita tawar sudah berlebih-lebihan di pasaran...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Saya ingin bertanya satu tan berapa harga?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Satu tan metrik kalau ikut *threshold* 1,700.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** 1,700. Okey.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Sebab-sebab kenapa harga minyak yang di pasaran itu naik. Walaupun kuota dia lebih daripada mencukupi tetapi *the actual consumption is around 50,000 metric ton*, betul kan?

■1120

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Betul.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Over data. Why is the complaint from the user, the pengguna bahawa tiap-tiap sekilo minyak masak itu naik.*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yang Berhormat kalau kita tengok sebelum 1 November 2016, kita dikawal oleh MPOB dan harga minyak lima kilo ke bawah dikawal oleh satu Akta Kawalan Harga di peringkat KPDNKK. Maknanya satu kilo...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** KPDNKK?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** KPDNKK. So, maknanya kita subsidi bagi pek lima kilo dan ke bawah. Okey, bila KPDNKK *take over* November 2016, subsidi hanya tertumpu kepada pek satu kilo sahaja. So, maknanya harga kawalan yang kita tengok RM2.50 masih kekal pada pek satu kilo. Akan tetapi, dua kilo, tiga kilo itu yang naik sebabkan harga pasaran. Maknanya *control* KPDNKK lepas *take over* hanya untuk pek 1kg...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Satu kilogram?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Dan kuota diluluskan 50,000.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Akan tetapi, adakah kerajaan masih membayar subsidi minyak pada lima kilogram...

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Tak, satu kilo ke bawah sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** ...Melalui MPIC masih membayar dia punya subsidi?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Sekarang ini KPNDKK.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tak bayar lagi melalui MPIC?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Tak bayar. Sekarang KPNDKK bayar untuk satu kilo sahaja.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Tak, lepas KPNDKK *take over*, dia punya *supply* 50,000 sahaja. Maknanya selepas...

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Selepas 1 November.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yang saya dimaklumkan semalam 50,000 dan *threshold* dia 2,300.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Control* dari kilang penapis pergi ke *all this inspector* ini pun sudah Kabinet kira-kira habis ini? *How to control now*, jumlah dari kilang penapis pergi *packers* ini? Siapakah *control*?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** KPNDKK. Kuota KPNDKK pegang. Dia yang akan *award* kepada pengilang penapis dan dia ada kuasa untuk *control* sampai peringkat peruncit.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Ini sebab satu kilo kalau dekat graf ini, satu dia tidak boleh *control* kerana seorang boleh beli banyak-banyak.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Betul.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Kedua, orang patut tidak dapat. *So, now the problem is* rakyat biasa sengsara. Beli satu kilo dapat beli lima kilo harga tinggi.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Betul.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** *How to survive?*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus:** Mengurangkan minum, makan minyak.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Itulah.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Yang Berhormat, saya terlibat juga di peringkat awal sehingga *that the exit conference* Yang Berhormat. Cuma saya hendak maklumkan kepada *Committee*, saya nampak kelemahan dia ialah kelemahan rantai proses daripada awal itu sampai kepada pengedaran.

Kementerian dia meletakkan SOP untuk program ini dilaksanakan tetapi SOP yang mereka letak itu juga mereka tidak ikut. Contoh Yang Berhormat, kalau kita lihat sebahagian syarikat yang dapat, tidak memenuhi SOP yang mereka tetapkan juga daripada segi *paid up capital*, daripada segi adanya premis.

Kemudian, kalau kita lihat mereka diberi satu *brand*, cop katalah, "MySuri" kan tetapi kadangkala sebahagian daripada cop tidak ada dalam pasaran.

**Seorang Ahli:** Oh, hilang.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tidak ada tetapi mereka dapat kuota. Kemudian kalau kita lihat audit pergi masuk dan sebahagian kilang tidak beroperasi tetapi kuota dapat.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, minyak itu keluarlah.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Kelemahan.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Maknanya minyak bila subsidi syarat utama kilang penapis kena *supply* minyak kepada syarikat pembungkus. Okey, kilang penapis kepada pembungkus sudah ada. Pembungkus kena bungkus dan hantar ke pasaran dan di situ *loop hole*.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Di mana dia syarikat itu ada *claim* tak, *claim* subsidilah- subsidi yang dia dapat dia tidak keluarkan produk.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Bila dia *claim* subsidi, subsidi di-*claim* kepada pengilang penapis. Maknanya syarikat pembungkus beli pada harga murah *and then different* harga *market* yang kilang tanggung rugi itu kerajaan bayar.

Okey, bila minyak sudah sampai kepada pembungkus, kita tidak tahu apa terjadi kepada pembungkus itu. Ini sebab pembungkus dapat pada harga murah. *Maybe they export, maybe* dia- kami tidak tahulah. Itu yang *loop hole*.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Yang Berhormat, kalau kita lihat contohnya katalah syarikat A berikan kuota, dia membungkus. Sebahagian yang audit dapat dia membungkus dalam pek yang besar. Sepatutnya dibungkus dalam pek lima kilo dan ke bawah tetapi *the* pek ada sebagainya- 15 kilo, 20 kilo *which is* pek yang sebegini digunakan untuk industri tetapi mereka menggunakan kerajaan punya subsidi, makna orang lain akan dapat *benefit* bukannya pengguna.

Kiraan 2.5 kilo *per head* itu pun juga di-*question mark because of* takkan *baby* pun termasuk 2.5 kilo. Ini sebab penduduk Malaysia 30 juta termasuk lagi 2.3 juta tadi warga asing. *Which is policy* kerajaan warga asing tidak terlibat, tidak boleh diambil kira dalam polisi.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

*[Saksi-saksi daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera Yang Berbahagia Datuk M. Nagarajan, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Dr. Sugumari A/P S. Shanmugam- di sana pula.

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]:** Ini yang duduk depan Puan Zurinah.

**Tuan Pengerusi:** Setiausaha Bahagian Industri Sawit. Puan Zurinah Pawanteh, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Daripada MPOB, Dr. Haji Ahmad Kushairi bin Din, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan pegawai-pegawai dan kakitangan daripada KPDKK, Encik Muez bin Abd Aziz, Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri.



## ■1130

Seperti yang Datuk, Dato' sedia maklum bahawa isu bekalan minyak masak ialah isu negara, sebab itu PAC mengambil keputusan segera untuk memanggil Kementerian yang bertanggungjawab tentang mengawal dan menyelenggarakan pengedaran minyak masak yang kemudiannya diambil alih oleh KPDNKK pada 1 November. Walau bagaimanapun isu ini begitu penting dan merupakan isu yang dekat di hati rakyat. Kesusahan yang dialami oleh rakyat dan persepsi yang negatif terpalit kepada kerajaan oleh sebab satu pengurusan yang boleh dikatakan tidak lancar dan tidak baik menyebabkan *supply* minyak masak di pasaran tidak dinikmati oleh rakyat Malaysia dan ada beranggapan bahawa ia di eksport ke luar negara melalui penyeludupan minyak subsidi ini.

Ini yang menjadi kerisauan kita. Apa yang lebih membimbangkan ia tidak ada dalam pasaran itu. Akan tetapi dalam keadaan hari ini macam mana sekarang ada bertambah baik sikitlah saya ingat ya, bertambah baik. Walau bagaimanapun PAC memandang berat serta merasakan perkara ini perlu diambil tindakan segera dan memanggil Kementerian yang bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada PAC mengapa perkara ini boleh berlakulah. Jadi kita telah mendengar penjelasan Audit dan pihak Audit telah pergi ke kilang-kilang *spot check* ya, beberapa buah kilang dan hasil daripada *spot check* itu menggambarkan, boleh digambarkan keadaan sebenar dalam industri ini.

Jadi kita mempersilakanlah Datuk KSU untuk memulakan taklimat ini ya, Datuk M. Nagarajan.

**Datuk M. Nagarajan [Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi]:** Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin; Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw; Timbalan Pengerusi PAC; Yang Berhormat Ahli-ahli dan Setiausaha PAC; wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan; Jabatan Perkhidmatan Awam; Unit Perancang Ekonomi; Jabatan Akauntan Negara, dan pasukan Audit Jabatan Audit Negara; tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Selamat pagi, salam sejahtera *and* salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu Yang Berhormat saya pagi pihak Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukan Audit Jabatan Audit Negara yang telah menjalankan pengauditan terhadap Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak ataupun lebih singkatnya COSS dengan jayanya. Dalam hal ini, MPIC amat memandang berat ke atas penemuan-penemuan pengauditan seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2015.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa PAC kerana memberi peluang kepada Kementerian untuk memberi penjelasan dan pencerahan kepada isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan LKAN, Siri 2, Tahun 2015. Tuan Pengerusi, Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha MPIC pada 16 Mei 2016. *Now* salah satu tindakan serta-merta yang telah diambil susulan daripada proses pengauditan Pengurusan COSS membekukan kelulusan baru dan penambahan kuota minyak di bawah COSS mulai 8 Jun 2016.

*Now*, tindakan ini juga telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan. *Now*, tindakan ini diambil bagi memastikan kelancaran pengauditan

dilaksanakan atas pengurusan COSS dan memperkukuhkan mekanisme pelaksanaan COSS. Sehubungan itu juga, MPIC telah mengambil pelbagai tindakan memperkukuhkan Pengurusan COSS mulai laporan pertama pembentangan Audit pada 11 Ogos 2016. Dalam hal ini, bagi memantapkan Pengurusan COSS piawaian prosedur operasi ataupun *standard operating procedure* COSS telah diperkukuhkan dan perakuan Jawatankuasa Penilaian COSS dan seterusnya diluluskan oleh Jawatankuasa Kelulusan COSS yang dipengerusikan oleh Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Untuk makluman juga Jawatankuasa Kelulusan COSS telah dibubarkan pada mulai 1 Jun 2014 bagi mengurangkan kerenah birokrasi. Walau bagaimanapun dengan pelantikan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi baru pada 1 Julai 2016, Jawatankuasa Kelulusan COSS telah ditubuhkan semula bagi meluluskan perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian. Selain itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menjalankan pemantauan berkala ke atas pembungkus minyak masak yang merupakan pemegang kuota COSS.

Bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 2016, sebanyak 276 lawatan telah dijalankan ke atas 246 pembungkus di seluruh negara. Bidang kuasa MPOB adalah bagi bungkusan minyak masak 25kg ke atas dan bagi bungkusan di bawah 25kg adalah di bawah KPDNKK. Kuota COSS adalah bagi bungkusan plastik 500 gram dan 1kg manakala bungkusan botol ialah 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg. Tuan Pengerusi, Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan seterusnya daripada laporan pemerhatian Audit yang telah dibentangkan dalam *exit conference* pada 20 Ogos 2016, kementerian telah mempertingkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pemegang-pemegang kuota COSS.

Hasil daripada lawatan tersebut, dua orang pemegang kuota COSS didapati melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dan telah digantung kuota manakala satu orang pemegang kuota telah dibatalkan kuota miliknya. Dalam hal ini, ingin saya memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2016 telah bersetuju bahawa KPDNKK mengambil alih pengurusan COSS daripada kementerian mulai 1 November 2016.

Okey, ini memandangkan minyak masak termaktub di bawah seksyen 5, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dinyatakan di dalam Jadual 1 Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang dikendalikan oleh KPDNKK. Selain itu, peranan KPDNKK dalam penguatkuasaan dan pemantauan bekalan minyak masak memainkan peranan faktor utama dalam memastikan bekalan di pasaran mencukupi. Walaupun berlaku penstrukturan semula pengurusan COSS, MPIC masih lagi berperanan dalam menentukan polisi dasar berkaitan industri sawit sama ada di pasaran tempatan ataupun antarabangsa.

Tuan Pengerusi, izinkan saya meneruskan ini dengan memberikan pembentangan dalam slaid. Boleh? *Thank you*, terima kasih. *Now*, Tuan Pengerusi, Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan saya difahamkan perkara ini telah pun diberi perincian oleh Jabatan Audit Negara mengenai objektif pelaksanaan dan sebagainya. Seterusnya slaid kedua, izinkan saya meminta Dr. Kushairi, Ketua Pengarah MPOB untuk menjelaskan mekanisme pelaksanaan COSS.

**Dr. Haji Ahmad Kushairi bin Din [Ketua Pengarah, Lembaga Minyak Sawit Malaysia]:** Okey, terima kasih KSU. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, selamat pagi dan salam 1Malaysia. Di sini kalau kita lihat dia ada proses - kaedah pelaksanaan bermula dengan proses permohonan. Ada dua pihak di sini. Kilang penapis satu kemudian pihak yang kedua ialah syarikat pembungkus.

■1140

Permohonan adalah kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Selepas permohonan, MPIC akan mengkaji sama ada layak ataupun tidak layak, kemudian diberi kelulusan. Kelulusan ini merupakan kelulusan bersyarat di mana syarat-syarat atau prasyarat dia ada enam:

- (i) memiliki premis pembungkusan;
- (ii) mempunyai lesen MPOB kategori membeli dan menyimpan minyak sawit diproses;
- (iii) mempunyai lesen majlis perbandaran atau pihak berkuasa tempatan;
- (iv) mempunyai lesen peruncit atau pemborong daripada KPDKK;
- (v) memaklumkan nama dan alamat pembekal minyak sawit Olein iaitu kilang penapis; dan
- (vi) menyatakan nama dan alamat pemborong atau peruncit yang edaran minyak masaknyanya berpadanan dengan kuota yang diluluskan.

Apabila permohonan ini...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** KSU, dalam audit punya *report*, 241 buah syarikat pembungkus tetapi dalam *you* punya *slaid* ini syarikat pembungkus 268. Jadi, yang manakah ini? Dalam kuota ini, *slaid* sebelum ini 268 tetapi audit punya ini 241. Manakah yang *the latest*?

**Datuk M. Nagarajan:** Tuan Pengerusi, boleh saya jelaskan? Masa pengauditan dilakukan adalah pada bulan April. Pada bulan April ialah 241 tetapi sehingga 31 Oktober, bilangan pembungkus ialah 293.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** 293.

**Datuk M. Nagarajan:** Ya, syarikat pembungkus. 268, *sorry*. 268.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** 268.

**Datuk M. Nagarajan:** *Yes*. Itu *actually* perbezaan tempoh. Terima kasih.

**Dr. Haji Ahmad Kushairi bin Din:** Okey, boleh saya sambung ya. Apabila permohonan telah diluluskan dengan syarat-syarat yang telah dimaklumkan kepada pemohon, MPOB akan membuat lawatan penilaian dan pengesahan di premis syarikat tersebut bagi memastikan kesediaan premis termasuk kemudahan pembungkusan untuk menjalankan aktiviti membungkus dan juga pengesahan premis pemborong bagi memastikan kesahihan kewujudan pemborong atau peruncit seperti yang dinyatakan oleh syarikat diluluskan kuota. Kemudian, MPOB memaklumkan kepada kilang penapis yang terlibat serta meminta kilang penapis tersebut membekalkan minyak *RBD Palm Olein* iaitu minyak sawit kepada syarikat pembungkus tersebut. Kilang penapis yang terlibat akan membekalkan minyak *RBD Palm Olein* kepada syarikat pembungkus berdasarkan kuota yang diluluskan.

Pembekalan minyak *RBD Palm Olein* kepada syarikat pembungkus di bawah skim COSS adalah berdasarkan kepada harga *threshold* RM1,700 per tan metrik. Kilang penapis akan membuat tuntutan kepada MPOB secara bulanan. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia KSU, skim ini melibatkan minyak masak bungkusan 500 gram botol, satu kilogram plastik, satu kilogram botol, dua kilogram botol, tiga kilogram botol dan lima kilogram botol. Ia diedarkan kepada pemborong atau peruncit dan *hypermarket* untuk dijual kepada pengguna di pasaran tempatan sahaja dengan harga yang dikawal oleh KPDNKK. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Datuk, satu. Tadi sudah jelas dia punya pelaksanaan, jadi ada tidak kementerian ada pasukan penguatkuasaan pemantauan bagaimana memastikan bahawa apa yang ditetapkan ia mengikut SOP ataupun kuota-kuota yang diberikan, dia ada mengikut apa yang telah ditetapkan.

**Datuk M. Nagarajan:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana telah dijelaskan tadi, walaupun kuasa MPOB adalah bagi bungkusan melebihi 25 kilogram ke atas dan kuasa KPDNKK adalah di bawah bungkusan 25 kilogram dan ke bawah, kedua-dua agensi sentiasa bekerjasama melakukan pemantauan berkala. Seperti mana dimaklumkan juga, sepanjang tahun 2016 dari bulan Januari hingga Oktober, sebanyak 276 lawatan telah dijalankan ke atas 276 buah premis pembungkusan.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Datuk, saya faham kata ada pelaksanaan penguatkuasaan. Akan tetapi audit telah membuat pengauditan, dapati banyak kelemahan, kilang tidak beroperasi. Adakah kementerian tahu perkara ini berlaku?

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat, ya benar. Dalam tahun 2014 dan tahun 2015, kita pernah beri penggantungan kuota kepada syarikat-syarikat yang tidak beroperasi ataupun syarikat-syarikat yang memberi upah kepada lain-lain syarikat. Akan tetapi masalah *problem* ini adalah *is* kekerapan lawatan kita tidak dapat lakukan setiap bulan. *So we were doing kind of sampling* lawatan mengikut kawasan. Akan tetapi ada kalanya bila pasukan lawatan mengadakan lawatan kilang beroperasi, tetapi bila *comeback there is another issue there*.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Kalau kilang tidak mengikut SOP, apakah tindakan kementerian? Ini kerana saya nampak lesen itu masih tetap, dia mungkin sub tetapi kelemahan ini sudah begitu ketara, tetapi nampak mereka masih memiliki lesen. Adakah tindakan yang sesuai diambil oleh kementerian?

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat, dia ada dua perkara dalam perkara ini. Satu ialah lesen MPOB dan satu lagi ialah pemegang kuota. *Alright, now* lesen MPOB adalah lesen yang dikeluarkan oleh MPOB bagi tujuan membeli minyak, membungkus dan mengedar. Satu lagi ialah kuota. Kalau kuota disalahgunakan, kementerian berhak menarik balik. Akan tetapi lesen itu memang lesen dia untuk tujuan membungkus, tetapi sekiranya dia tidak menepati lain-lain syarat yang ditetapkan oleh penguasa-penguasa tempatan seperti kebersihan kawasan, seperti tidak mempunyai sijil halal, kuota itu masih boleh ditarik balik.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Satu lagi saya sentuh. Setakat ini kita telah melihat kerajaan ada yang bagi subsidi, ada yang tidak bagi. Pada masa kini kita rasa rakyat bawah sengsara sebab mereka beli

memang tidak dapat. Bukan cakap sahaja, memang tidak dapat. So, saya tidak pasti apa mekanisme yang sesuai supaya *target* sasaran kita satu kilogram, 1.5 kilogram itu rakyat biasa dapat. Sekarang yang masalah kita ini lima kilogram ada tetapi mahal, tetapi satu kilogram untuk rakyat biasa ini susah hendak dapat. Saya tidak tahu adakah Kementerian memastikan bahawa ini tidak berlaku sebab ini memang satu perkara yang amat serius di *grass roots*.

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat, saya beri contohnya. Negara mengeluarkan 19 juta tan minyak sawit. So oleh demikian, bekalan minyak sawit ialah tidak timbul. Akan tetapi mulai 1 November, skim ini telah diambil oleh KPDNKK. Boleh tidak izinkan rakan saya daripada KPDNKK untuk menjelaskan?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Before that* KSU, balik *to the figures* yang awal tadi. *In your note*, kuota pek asal ini kilang penapis – 22,000 tan; syarikat pembungkus – 60,000 tan; jumlah – 83,000 tan. Jadi, yang pergi *packers* ini, so yang jumlah untuk dibungkus oleh *packers* ialah 60,000 tan sahaja. Jadi yang 22,886 tan ini yang dengan kilang penapis ini mereka buat apa ini, yang 22 ini.

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat, *can I go straight to* penapis ini? *Brand* ini. Yang Berhormat, yang baki 22 itu adalah apa yang dipanggil sebagai *national brand*. *National brand* di sini adalah seperti FELDA yang mengeluarkan *brand* Saji, *then* Alif yang dikeluarkan oleh Sime Darby, Seri Murni, lepas itu Buruh, Avena dan Vesawit. *All these* adalah merupakan *national brand*. Ini bererti *brand* ini adalah diedarkan di seluruh negara.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Okey boleh? Sebelum KPDNKK dapat memperjelaskan apa yang sebenarnya berlaku- Tuan Pengerusi, *thank you* Datuk KSU. Saya minta sedikit penjelasan berkenaan dengan sebab-sebab kerajaan menyerahkan kebertanggungjawaban ini kepada KPDNKK.

■1150

Adakah pihak MPIC atau MPOB gagal untuk menangani masalah ketirisan ataupun isu-isu seperti *smuggling* kita punya minyak masak kepada negara jiran kita yang mana terdapat banyak *complaint* bahawa minyak masak kita di-*smuggle*, diseludup ke Indonesia ke Thailand dan mungkin kepada negara-negara yang lain juga. Adakah pihak MPIC atau MPOB gagal menangani masalah ini ataupun sedar bahawa perkara ini berlaku tetapi tidak dapat mengambil tindakan sebab ini kekurangan SOP?

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat inisiatif untuk memberikan pengurusan skim ini diberikan kepada KPDNKK adalah berpunca dari dua sebab. Satu ialah KPDNKK menguruskan subsidi lain-lain barangan. Oleh yang demikian kerajaan berpendapat ia lebih sesuai diuruskan oleh Kementerian kerana mereka telah pun menguruskan subsidi untuk tepung gula dan sebagainya, *that's number one*.

Kedua, di bawah seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan seperti yang katakan tadi, minyak masak disenaraikan sebagai satu barang yang dikawal. Oleh yang demikian ia lebih sesuai diuruskan kawalan dan pengurusan oleh KPDNKK. Berhubung dengan isu Yang Berhormat mengenai ketirisan daripada segi penyeludupan keluar negara dan juga ketirisan daripada segi lain-lain sebab. Boleh tak saya minta rakan saya daripada KPDNKK untuk membantu saya? *Thank you*.

**Encik Muez bin Abd. Aziz [Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan isu ketirisan ini ialah satu isu yang dikatakan salah satu punca daripada segi kekurangan bekalan dan sebagainya. Walau bagaimanapun pihak KPDNKK khususnya akan bersama-samalah dengan- ia macam NBOS juga bersama Kastam dengan Agensi Anti Penyeludupan dan sebagainya bekerjasama. Khususnya kadang daripada segi jarak sempadan kita daripada segi sempadan yang begitu luas dan sebagainya memastikan supaya benda ini tidak berlakulah.

Jadi walau bagaimanapun, pihak KPDNKK sentiasa mengawal. Berapakah kes? Saya tidak ada pula data pada hari ini. Berapakah kes tangkapan kita sudah buat sudah? Sudah di caj di mahkamah dan sebagainya kes-kes yang menyeludup barang-barang kawalan.

Barang-barang kawalan ini tidak juga termasuk- bukan hanya terhad kepada minyak masak juga dan lain-lain barang pun. Contohnya, kerana harga di negeri jiran ini dia berpunca kerana harga di negara jiran lebih murah daripada kita, sebab itulah berlakunya penyeludupan ini. Termasuklah minyak diesel dan lain-lain barang asas yang lain. Jadi macam mana pun...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Can I interrupt* soalan saya tadi saya rasa Datuk KSU tidak begitu jelas dan faham. Soalan saya tadi itu pihak MPIC atau pihak MPOB sebelum pergi KPDNKK. Ini kerana apa soalan saya itu ada kena mengena dengan pengeluar, pengilang ataupun pengedar, pembekal minyak-minyak ini kepada kedai-kedai runcit.

Adakah statistik di bawah MPIC atau MPOB bahawa berapakah jumlah yang dihantar kepada pembekal ataupun kedai-kedai runcit dan berapakah yang dibandingkan perbezaan daripada kuota yang dibahagi tetapi hilang di tengah jalan, lenyap. Di manakah itu? Adakah pihak MPIC atau MPOB bertanya kerana apa yang kita lihat kuota 85,000 metrik tan tetapi yang sebenar yang di *consume* oleh rakyat kita adalah kurang lebih 50,000 metrik tan. Itu ada satu yang jelas bahawa ada perbezaan di situ. Di mana yang perbezaan itu di mana pergi.

**Datuk M. Nagarajan:** Okey saya ingin menjawab ini. Yang Berhormat minyak masak yang kita bungkus minyak masak katakan dalam 5kg ia tidak membezakan antara penggunaan isi rumah dengan penggunaan lain-lain pihak dalam negara. Cuma kita dilabel disenaraikan untuk penggunaan isi rumah. Bagaimanapun, sebagai umpamanya saya merupakan isi rumah saya juga menjalankan aktiviti mikro *business*, *business* kecil-kecilan teh tarik dan sebagainya.

So kalau saya ialah isi rumah juga, saya untuk *business*, saya memerlukan 15kg satu hari, bagi rumah saya perlukan 1kg satu hari, so oleh itu memandangkan tidak terdapat perbezaan antara penggunaan isi rumah dengan penggunaan industri. Oleh yang demikian sebagai saya pengusaha saya beli sekali gus dan ini juga digunakan untuk industri. *Alright that's why the issue now is* memandangkan kepada perkara ini *we find that a lot of industry* kecil-kecilan membeli minyak, satu. Kedua, pada lima tahun dulu pihak *Tesco* yang ditubuhkan untuk tujuan membantu *enterprise* kecil dan sederhana menjual enam pek botol dalam satu kali. So, enam pek 5kg jadi 30kg.

So ini juga terdapat ketirisan ke industri. *So what happen is* sejak kementerian melaksanakan ini kita telah pun mengarahkan Jabatan Kastam untuk tidak membenarkan orang mengambil minyak di kawasan-kawasan sempadan, satu. Kedua, terdapat dalam musim-musim perayaan peningkatan dalam permintaan. *So itu will try level best to solve it* tetapi *as I said* walaupun semua perkara ada kementerian dengan bersama MPOB dengan KPDNKK tidak dapat mengadakan satu pemantauan yang baik itu kerap sekali. *Because as I said there pre difference* katakan saya ada sebuah industri kecil-kecilan, saya juga ada isi rumah jadi saya beli untuk sekali gus. Minyak ini tidak dibezakan untuk isi rumah ataupun *enterprise* kecil.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Tuan Pengerusi, tadi ada jelaskan tetapi ada satu perkara kita melihat Audit bagi satu laporan bahawa formula kuota untuk Malaysia 29.8 juta orang. Kita hanya 30 juta lebih kurang penduduk jadi adakah bayi juga diambil kira menggunakan minyak, satu. Kedua, adakah polisi kita juga melihat termasuk warga asing itu dua juta lebih kita masuk ambil kira. Jadi kontingensi lagi tujuh peratus, jadi kalau satu bulan 2.5kg maknanya 80,000 lebih. Namun baru-baru ini ada satu kiraan daripada KPDNKK bahawa kata purata kegunaan hanya satu kilogram atau 1.5kg sebulan daripada kita. Jadi ini apa logiknya ambil kira ini kuota banyak tetapi masih tak ada minyak.

**Datuk M. Nagarajan:** Terima kasih Yang Berhormat. *Many people*, banyak orang juga tanya kenapa 85,000 adakah kita mandi dengan minyak *rights*. *So sorry-sorry for this joke* okey Tuan Pengerusi saya tidak bermaksud *make a joke, it is a serious topic here* Tuan Pengerusi, dengan izin.

Tuan Pengerusi, dalam perkiraan penggunaan minyak tadi saya jelaskan tadi kita tidak dapat membezakan penggunaan minyak di antara isi rumah dengan industri kecil-kecilan, satu. Kedua, minyak ini tidak juga dibezakan pembeli sama ada dia itu penduduk rakyat Malaysia ataupun warga pekerja asing atau lain-lain. So tidak ada satu kawalan di mana kita katakan okey minyak ini tidak boleh dibeli oleh pekerja asing. Tidak ada, tetapi ini cuma katakan untuk kegunaan isi rumah so pekerja asing juga boleh membelinya.

*Now the 7 peratus* kontingensi ialah tujuan untuk menampung pada musim-musim perayaan. Umpamanya Tuan Pengerusi pada bulan Disember ada musim banyak perkahwinan *there is a lot catering business*. Orang bertambah keperluan minyak.

*Now* pada tahun ini ada musim perayaan pada bulan Jun dan Julai hari raya. Kita gunakan banyak minyak dan sebagainya. Selain itu, tuan-tuan saya ingin membandingkan penggunaan minyak per kapita.

Tuan Pengerusi, dalam kes Malaysia kita menggunakan per kapita penggunaan 2.5. Ini tidak bererti kita juga ambil kira bayi dan sebagainya tetapi mengikut *Oil World*, kadar khasiat daripada segi minyak dan lelemak yang dicadangkan ialah 2.5kg bagi setiap orang per kapita *Oil World*. Dalam kes Malaysia kita gunakan 2.5kg. Kalau kita bandingkan dengan Indonesia negara terdekat yang mempunyai amalan pemakanan yang lebih kurang sama penggunaan per kapita ialah 3kg dan satu tahun 36kg.

## ■1200

*Now*, berbanding dengan Japan, *EU* dan *US*, penggunaan per kapita minyak dan lemak adalah tinggi memandangkan mereka juga menggunakan *cheese* dan sebagainya. *So*, ia juga tergolong kepada minyak dan lemak. *So*, bukan bererti kita gunakan 2.5 kilogram termasuk bayi tetapi terdapat alasan-alasannya kerana keperluan permintaan. *Now*, mulai 1 November KPDNKK telah menetapkan kuota sebanyak 50,000 tan. Ini merupakan pembungkusan minyak masak dalam satu kilogram *sachet* yang telah dibungkus sepanjang pelaksanaan kuota ini.

*So*, oleh yang demikian minyak masak bersubsidi yang berada di pasaran buat masa ini ialah bungkusan dalam satu kilogram dan bukan lain-lain pek. *Now*, Tuan Pengerusi izinkan saya memberi sedikit penjelasan lagi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Before you proceed sir*. Tadi, KPDNKK 1 November 2016 kuota sudah turunkan kepada 50,000. *Back to the original figures* 50,000 ini daripada pembungkus ke yang kilang penapis *national brand* masih lagi ke ataupun *the overall out of 83 over thousand*.

**Datuk M. Nagarajan:** *This amount is-* yang dibungkus dalam satu pek *sachet*. Buat masa ini, minyak masak dalam satu kilogram paket hanya disubsidi oleh kerajaan. Lain-lain bungkusan tidak di subsidi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Jadi, ini termasuk yang di bawah syarikat pembungkuslah ini, 50,000 sahaja? *So, it's no longer 60,916 ini?*

**Datuk M. Nagarajan:** *No*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Termasuk sekali kilang itu ya?

**Datuk M. Nagarajan:** Dia diproratakan. Sekali.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang botol sudah dibawa keluar belum? Botol yang *one kilogram- one liter*.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Tidak. *On the market*.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sudah *on the market?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang satu liter. RM2.50 juga?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** RM2.95, campur *bottling*-lah.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Tuan Pengerusi. KPDNKK, saya rujuk tadi Datuk KSU kata kalau mereka membeli mungkin beli satu kilo beli sekali untuk industri kecil. Okey, *now problem is* benar ada yang beli, ada yang tidak dapat. Masalah sekarang di luar situ, dia dapat tidak dapat tetapi dia punya harga melambung, barangan semua melambung. Tidak kiralah dia dapat subsidi atau tidak dapat subsidi. Macam mana hendak mengatasi? Kalau kita melihat ini berlaku ini.



**Tuan Pengerusi:** Betul. Sekarang harga yang tanpa subsidi berapa sekarang ini?

**Datuk M. Nagarajan:** *Sorry, I was interrupt.* Contoh harga pasaran Olein ialah RM3,000 setan. Kalau kita *translate to* satu kilogram ialah RM3 satu kilogram. Katakan kos pembungkusan, edaran dan sebagainya 80 sen. Katakan ikut pasaran- kalau ikut pasaran tanpa subsidi, satu kilogram dianggarkan lebih kurang RM3.80 berbanding dengan harga subsidi *which is* RM2.50. So, dapat perbezaan bagi setiap kilogram RM1.30 yang diberi subsidi oleh kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, yang lima kilogram berapa sekarang? RM21 ya yang lima kilogram?

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Tidak ada subsidi dalam RM20.

**Tuan Pengerusi:** RM20.

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Fasal dia satu kilogram dalam RM3 seperti kata...

**Tuan Pengerusi:** Dahulu masalah persepsi ini kekeliruan di kalangan masyarakat yang KPDNKK kena terang betullah. Maknanya lima kilogram itu tidak bersubsidilah? Hanya satu kilogram sahaja.

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Satu kilogram *polybag* Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Dahulu lima kilogram ada subsidi dahulu.

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Semua jenis *packaging* semua disubsidi. Boleh dikatakan semua disubsidi. Sekarang hanya satu kilogram *polybag* dan juga satu ada botol satu liter sekarang kita perkenalkan satu liter botol.

**Tuan Pengerusi:** Dualah sekarang ini?

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Dua jenis sahaja sekarang ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang bersubsidi?

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Yang bersubsidi, yang lain tidak ada.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi. Oleh sebab laporan audit ini berlaku sebelum 21 September banyak kes sebelum- 21 September KPDNKK baru diserahkan mengambil alih pengurusan *one because-* tetapi laporan audit ini sebelum itu, ini satu perkara yang kepentingan pengurusan kewangan negara. Oleh sebab kita telah pun memberi subsidi pada setiap lima kilogram- *correct? Under* MPIC. Persoalan saya, kita telah mengeluarkan kuota dan pelesen-pelesen yang mengendalikan pengeluaran minyak masak ini. Minyak masak itu penting kepada rakyat kita dan ini isu politik negara ini juga ada bersangkutan kait dengan ketirisan-ketirisan yang dilaksanakan oleh pihak pengilang.

Selain daripada tindakan yang telah dilaksanakan atau dibuat oleh pihak MPOB, adakah pihak MPIC melalui MPOB juga memantau dan meninjau kilang-kilang yang belum dilawati oleh jabatan audit ini. Sebab mungkin ini juga serupa yang berlaku dan belum diambil tindakan. Boleh Datuk KSU memberi penjelasan sedikit soal ini. Sebab, laporan audit ini berlaku sebelum KPDNKK ambil alih.

**Datuk M. Nagarajan:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana saya telah menjelaskan dalam tadi, kita sentiasa melakukan pemantauan dan pemantauan itu kita lakukan memandangkan... *[Disampuk]* Ada juga mengejut. Akan tetapi Yang Berhormat *the question is* ada kalanya masa kita lawat itu kilang beroperasi, ada kalanya dia kata- *actually* sesetengah kilang diberi 100 tan kuota. Satu buah

treler 40 tan, *right*? Dia ambil dua buah treler satu minggu sudah tutup. *That means* dia ambil kuota sepenuhnya. Sesetengah kilang ada lagi kuota 200 tan. Satu buah treler boleh ambil 40 tan. Dia beroperasi dua minggu, lepas itu dia tutup dua minggu.

*See. This is a-* yang cuma beroperasi secara terus menerus adalah penjenama nasional. Ini kerana mereka mempunyai kilang penapis dan juga kemudahan pembungkusan yang berdekatan dan pembungkus lain itu mungkin berdasarkan kepada kuota yang diberikan. Walau bagaimanapun sudah saya katakan tadi, kita sentiasa membuat pemantauan dan jika terdapat mana-mana kilang yang melanggar peraturan tindakan juga diambil.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Okey. Okey. Faham Datuk. Sebenarnya soalan saya ini lebih menumpu ke Sabah dan Sarawak... [*Ketawa*] Itu ekor dia, sebab saya lihat sini ada syarikat so called Sarawak Sawit *something*lah, Sawit Raya. Akan tetapi beroperasi di Selangor. Di Sabah pula apa berlaku? Adakah yang juga hilangnya sebenarnya dilesen untuk kawasan Sabah tetapi beroperasi di Semenanjung. Saya minta penjelasan sedikit.

**Datuk M. Nagarajan:** Okey. *Actually* Yang Berhormat, pada tahun 2015 dan 2016, terdapat perubahan dalam kuota. Perubahan dalam kuota ini bererti *there were-* mana-mana pemegang kuota yang tidak mengambil 100 peratus sepenuhnya itu yang tidak digunakan itu kita tarik beri kepada pemegang kuota baru. *Now*, dalam proses penyusunan semula *there was* terdapat kekurangan lebih kurang 15,000 tan. Oleh yang demikian, kita telah membenarkan pemegang kuota baru yang di Semenanjung yang diberikan kelulusan untuk beroperasi di Sabah dan Sarawak untuk membungkus di Semenanjung dan mengedarkan di Sabah dan Sarawak.

Itu bukan merupakan langkah yang sementara. Di mana kita beri dia tempoh enam bulan. Dalam kes Yang Berhormat katakan tadi itu, lepas enam bulan syarikat berkenaan tidak beroperasi. Oleh yang demikian, kuota tersebut telah pun ditarik balik. Okey. Mengikut terma. Yes.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** So, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Datuk KSU tentang proses. Kita tengok dalam kaedah pelaksanaan tadi... [*Merujuk kepada slaid*] ...Ini nampaknya ada dua buah tempat yang menjadi isu. Pertama, di syarikat pembungkus yang mana didapati audit kata banyak berlaku ketirisan. Kedua, di tempat pengedaran. Jadi, saya lihat masalah ini timbul kerana di tempat edaran tidak mencukupi untuk rakyat membeli minyak yang bersubsidi.

Saya hendak tanya, adakah penguatkuasaan boleh dilakukan antara jumlah input daripada syarikat pembungkus dengan jumlah output di tempat pengedaran supaya *balance between the two*? Saya ambil kes.

#### ■1210

Ini kerana, saya bagi contoh tadilah kes Langkawi. Kes Langkawi ini kita dapati bahawa rokok datang ke Langkawi dengan arak ini terlampau banyak. Akan tetapi, *consumption* terlampau sikit tetapi apabila Kastam buat pemantauan yang rapi di tiap-tiap kedai dengan mengambil data dan sebagainya didapati rokok hanya akan digunakan 170 juta batang setahun tapi yang masuk 1.3 bilion batang. Jadi rokok itu pergi mana.

Jadi saya hendak tanya Datuk adakah mungkin kerajaan boleh melakukan proses kawalan yang lebih ketat menggunakan *computerized system* atau- sekarang ini kita menggunakan manual. Manual ini kira mana hendak larat tetapi *dok control* 50 juta botol sebulan. Mungkin kerajaan boleh gunakan cara yang lebih efektif menggunakan komputer.

**Datuk M. Nagarajan:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat di peringkat pembungkus ada prosedur di mana MPOB- daripada segi kilang bila pembungkus mengambil minyak dari kilang MPOB telah melantik sebuah *independent* swasta untuk meneliti supaya jumlah minyak yang diambil ialah mengikut kuota yang ditetapkan dan tuntutan mengikut peraturan, *number one*.

Kedua, di peringkat pembungkusan itu- *now* kita bekerjasama dengan KPDNKK untuk menghasilkan katakan satu pembungkus mengambil 100 tan- dia membungkus 100 tan. Selepas itu mana dia hantar- so dia menghantar kepada *supermarket* A,B,C dan D. Di *supermarket* juga kita memantau sama ada diterima atau tidak dengan bersama KPDNKK.

Yang Berhormat selepas itu dia masuk dalam *shelf*, pembeli tidak dibezakan Yang Berhormat as *I explained* tadi. So, saya merupakan salah seorang pengusaha kedai teh tarik saya menggunakan katakan 30 kg satu hari. *Supermarket* pula hendak melihat daripada segi *turnover*. So, dia membungkus enam botol sekali, saya mengambil botol terus jalan. Pada hal ia adalah untuk kegunaan isi rumah.

So, di peringkat *supermarket* itu kita tidak ada daftar seperti yang diamalkan di Langkawi dan Labuan sekarang. Di mana setiap pembeli rokok dan alkohol perlu mendaftar. So, bila mendaftar tetapi kalau kita mengimplementasikan *system to all the country*- kalau di Langkawi dan Labuan *is contain* tetapi kita laksanakan di seluruh negara mungkin perlu kita lihat daripada penggunaan MyKad. Yang mungkin dapat membezakan di antara rakyat Malaysia dengan warga asing, *that one option*.

Kedua, *supermarket* mengehadkan pembelian katakan lima kg setiap hari. Akan tetapi, tidak bermakna saya tidak boleh balik esok beli lima kg lagi. So, *there is element of* ketirisan dia.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya hendak tanya pemilik kuota ini satu kilo berapa dia boleh buat *profit*, lebih kurang.

**Datuk M. Nagarajan:** Boleh saya minta izinkan.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Puan Siti Madzlina binti Salahudin [Ketua Penolong Setiausaha (Industri Sawit & Sago), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, okey Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Saya Siti Madzlina binti Salahudin daripada MPIC. Secara anggarannya *profit* bagi satu kg minyak masak kita boleh peroleh 30 sen per KG. Maknanya satu tan kita boleh dalam- anggaran RM30,000 *profit* bersih satu tan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau dapat 100 tan maknanya?

**Puan Siti Madzlina binti Salahudin:** Satu tan ialah 3,000, 100 tan ialah 30,000, maafkan saya- bersih...

**Tuan Pengerusi:** Ada tak *on paper* sahaja?

**Puan Siti Madzlina binti Salahudin:** Kita tak catat mana-manalah. Ini kita...

**Tuan Pengerusi:** *What I mean is they claim physically tidak exist kilang itu dia on paper, dia submit on paper- paper transaction. Faham tak ?*

Okey, dalam 85,000 katakanlah. Adakah diberikan 10,000 yang *on paper transaction no physical*.

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat, salah satu syarat yang ditetapkan premis perlu ada sebelum minyak boleh diambil. Ini bererti siapa yang mengambil minyak itu memang mempunyai premis.

**Tuan Pengerusi:** Dipakai sahaja premis- dia...

**Datuk M. Nagarajan:** *That why I'm coming that* Yang Berhormat. *Now*, ada kes dalam laporan pemerhatian Audit terdapat beberapa buah syarikat yang dibenarkan untuk *toll-pack that mean* syarikat 'A' mendapat kuota, syarikat 'B' yang membungkus. *Now*, ini merupakan peraturan sementara supaya tidak berlaku kekurangan dalam pasaran.

Sebagai contoh Yang Berhormat sebelum 1 November memang terdapat minyak di semua *shelf*, semua *brand* ada *because* kita tidak mahu terdapat kekurangan. Kekurangan menjadi *another* isu. Akan tetapi, tempoh yang diberikan adalah untuk tempoh enam bulan. Ini merupakan salah satu pemerhatian Audit dalam laporannya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kalau saya mengambil daripada segi *simple calculation* keperluan negara 50,000 tan. *That's why you* kata tidak ada masalah dalam pasaran. Oleh sebab dalam keperluan negara katakanlah 50,000. Kuota dapat 85, memang *you* keluar 60,000 tapi dahulu *you* keluar dalam pelbagai bentuk. Bentuk *packaging* tidak menjadi *chaos* dalam masyarakat.

Oleh sebab lima kilo pun ada subsidi. Katakanlah 60,000 keperluan negara. Kita naikan lagi keperluan negara 60,000 maknanya *you* ada *surplus* 25,000. 25,000 yang *surplus*- 25,000 kali berapa yang kerajaan kena bayar subsidi?

**Datuk M. Nagarajan:** Harga pasaran dengan harga...

**Tuan Pengerusi:** Bukan katalah..

**Datuk M. Nagarajan:** 1,000 *let say* 1,000 *just for the calculation purposes*.

**Tuan Pengerusi:** Katakanlah 20,000 ambil. Berapa kerajaan kena bagi? Bahagian teknikal ada boleh kira ya.

**Puan Siti Madzlina binti Salahudin:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, jika 25,000 tan kita darab 1,000 katakanlah subsidi dengan harga perbezaan *threshold* dengan RBD Olien semasa. *So*, 25,000 tan darab dengan 1,000 ialah 25 juta.

**Tuan Pengerusi:** 25 juta ini *shipping to the-* dalam bentuk *tanker*, dalam bentuk keluar negara. *Government get to pay* 25 juta sebulan *which is the beneficial is* Indonesia, Thailand, *Philippines-* in Sabah.

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat saya ingin mencelah sedikit, *please*. *The extra oil* katakan sebentar tadi *this oil also* digunakan oleh industri tempatan bukan semua yang tercicir keluar negara *because remember* saya jelaskan tadi minyak yang dibungkus walaupun dikatakan untuk kegunaan isi rumah ia juga digunakan industri kecil dan mikro.

So, oleh demikian *the balance* itu memang *supporting the other industry in the country*. Yang tercicir mungkin *small amount*.

**Tuan Pengerusi:** Apakah industri? Apa contoh industri.

**Datuk M. Nagarajan:** *For example*.

**Seorang Ahli:** Pisang goreng.

**Tuan Pengerusi:** Apakah? *Downstream*.

**Datuk M. Nagarajan:** Katering yang buat katering *business*. Nombor dua yang buat industri kecil macam goreng pisang, pasar malam dan...

**Tuan Pengerusi:** *But simple calculation*. Kalau 85,000 *I'm sure about 15,000 is not in the local market. That's why government got to...*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi boleh tambah sedikit, pencilan Tuan Pengerusi. Di *hypermarket* di kedai runcit kita semua lihat pembungkusan semua ada *brand*, betul tak? Akan tetapi apabila kita pergi kilang selepas dia proses itu, ada saya nampak kilang itu mengeluarkan dalam plastik biasa tidak ada *brand* apa-apa.

■1220

Kalau kita lihat, kalau kita pergi Sungai Golok, sebelah Sungai Golok sana- ini realiti ya Tuan Pengerusi. Tambah kita nampak juga yang tiada. Saya tidak menuduh bahawa itu di-*smuggle* tetapi saya melihat itu yang tiada lambang, yang tiada apa-apa berada di Sungai Golok. Itu yang kita khuatir sekarang ini. Kalau kita lihat di Kalimantan, di Pontianak serupa juga begitu. Ini kita jalan lihat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Tuan Pengerusi saya hendak tanya dua soalan. Daripada RM2.50 yang kita jual kepada pelanggan ini beberapa kos yang dikenakan dibayar oleh kerajaan sebagai subsidi per kilogram. Fasal tadi ada untung kata untung dan sebagainya. Kedua, adakah kementerian meletakkan audit dalam di tempat-tempat proses di syarikat pembungkus dan juga dalam rentetan ini kerana jumlah yang terlibat ini sangat besar. Terima kasih.

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat, jumlah subsidi yang dibayar oleh kerajaan adalah berdasarkan harga pasaran Olein. So yang *concern* adalah harga subsidi Olein pada harga RM1,700 setan. Andaikan harga Olein di pasaran ialah RM3,000 *that means* kerajaan menampung subsidi sebanyak RM1,300 setan. Dalam erti kata kg, dalam erti kata kilogram ialah RM1.30, perbezaan di antara harga subsidi dengan harga pasaran. Umpamanya, satu plastik harga kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan ialah RM2.50. Padahal sekiranya tidak berlaku subsidi harga pasaran ialah RM3.80 berdasarkan harga semasa. So perbezaan *about* RM1.30 dan *list* perbezaan meliputi kos pembungkusan, margin, *packing* dan sebagainya.

Berhubung dengan isu kedua, seperti mana saya jelaskan tadi kementerian bekerjasama dengan KPDNKK melakukan lawatan kepada syarikat-syarikat pembungkus, melihat dokumen daripada segi penerimaan minyak, berapa dibungkus, siapa diedarkan. Kita juga melihat kepada *supermarket-supermarket* di mana diedarkan untuk dapat penjelasan, *yes* ia diterima. Apa yang berlaku ketirisan

adalah selepas tersebut. Di mana minyak mungkin daripada *supermarket shelves* pergi ke tempat lain dan sebagainya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi, *it is not we* tuding jari kepada- *there is no reason for us* tuding jari kepada MPIC or MPOB. Itu bukan salah mereka. Akan tetapi salah ini ialah pihak penguatkuasaan kita yang patut kita ada *standard operating procedures*, untuk *is collaborate with the* pihak penguasa. *Because it is not your job, it's not your duty to* kawal penyeludupan tetapi ini memang masalah yang sebenar, masalah kita ini. Ini kerana ketirisan di pihak penguatkuasaan kita. Ini bukan tugas MPOB, ini bukan tugas MPIC tetapi tugas saya rasa kepada pihak penguat kuasa kita, Kastam dan kita punya *boundary*.

**Tuan Pengerusi:** Betul itu. Sebab kalau kita tengok Laporan Audit memang ada yang di-*packing* yang tidak ada *brand* itu, yang besar-besar memang dihantar ke luar negara itu.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Okey, tetapi walau bagaimanapun kita tengok pendekatan yang dibawa oleh baru ini saya rasa satu pendekatan yang munasabahlah. Kalau dia hendak seludup pun dia akan seludup satu jumlah yang kecil, banyak kena banyaklah. Akan tetapi mungkin sebab terasa *because US Dollar* kita ini, *US Dollar because* MPOB *is traded in US Dollar when Ringgit is depreciated*. Maknanya *that's why* kita punya Olein tinggi harganya kerana *Olein is traded in US Dollar. When you convert to Ringgit*, ia jadi mahallah minyak itu.

Kalau kita punya Ringgit *depreciated* nanti *I* ingat *burden to government should be lesser*-lah. Ini kerana *normally* katakan *I'm quite long in this industry* sawit ini, *so* saya rasa *it should be stabilize at 2,500. That is should be good for farmers, for the country and export*. Kalau terlalu mahal nanti orang akan beralih kepada minyak lain, orang tidak beli minyak sawit. Kalau *our oil is to expensive* jadi kita tidak boleh eksport. Akan tetapi nampaknya kerajaan kena tanggung sebab Ringgit kita itulah, kita susut. Kalau RM2,500 maknanya berapa *government-* kalau *stabilize at RM2,500 the range RM2,500, RM2,700* dia naik RM2,800, RM2,400. Maknanya kalau RM2,500- kerajaan akan tanggung RM1,700 *minus-* RM2,500 *minus* RM1,700 berapa?

**Datuk M. Nagarajan:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Ya? Ha, RM800. Itu sepatutnya *government* kena *that range*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi *good for* negara, *good for* penanam sawit untunlah sekarang ini oleh sebab harga sawit sudah RM3,000, Olein- *I* ingat *CPO is RM3,000 already* kan, CPO? MPOB siapa, MPOB *from...*

**Datuk M. Nagarajan:** Sebanyak RM3,000. Penanam sawit dapat *about-* setiap tan buah tandan sawit yang dijual...

**Tuan Pengerusi:** RM700?

**Datuk M. Nagarajan:** *About RM730 to RM750 depending on the quality.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** BTB.

**Datuk M. Nagarajan:** No FAP, FAP.

**Tuan Pengerusi:** BTB, buah tandan bersih.

**Datuk M. Nagarajan:** Buah tandan bersih.

**Tuan Pengerusi:** Sudah dapat RM700 lebih sekarang. Mereka *enjoy*-lah sekarang ini. Akan tetapi saya ingat ketirisanlah yang dulu, *enforcement*. Akan tetapi bila kita *reduce*-kan kita hendak tengok macam mana keadaan sebenar dalam masa enam bulan ini. Siapakah yang *monitor* ini? Makna pergi ke *supermarket*, tengok minyak ada tidak ada.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Kita pastikan supaya bekalan itu Tuan Pengerusi kita hendak tahu daripada sumber, daripada *repackers* hendak sampai kepada *retailer* itu...

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini ada *complaint* lagi daripada...

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Amat berkuranganlah Tuan Pengerusi daripada yang mula-mula *start* itu hari. Banyak kurang sudah.

**Tuan Pengerusi:** Di Pulau Tioman *my* kawasan? Pulau Tioman itu.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Orang kampung banyak *complaint*.

**Tuan Pengerusi:** Orang kampung banyak *complaint*. Ada *figure* tidak sekarang ini? So sekarang dasar baru ini siapa yang tentukan dapat kuota ini? KPDNKK atau...

**Datuk M. Nagarajan:** Tuan Pengerusi, KPDNKK yang memutuskan.

**Tuan Pengerusi:** *No more your business already.*

**Datuk M. Nagarajan:** Semua pengurusan kuota adalah di bawah KPDNKK.

**Tuan Pengerusi:** *No more your business already* ya. Berapa sekarang ini?

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Tuan Pengerusi, daripada segi pemeriksaan antara sehingga Novemberlah ini, Oktober hingga 7 November 24,000 pemeriksaan kita sudah buat. Bilangan kes kita sudah ambil 27 kes termasuklah sorok ada tujuh kes sorok, nilai sitaan 119,000 melibatkan 34 metrik tan, pendakwaan ada lima kes setakat sehingga 7 November kita ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sekarang tinggal berapa yang dapat kuota ini, berapa orang, berapa syarikat?

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Kuota sekarang ini melibatkan lebih kurang 50,000 metrik tan sebulan.

**Tuan Pengerusi:** Berapa *number of* syarikat?

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Dalam 200 tidak silap saya, 254.

**Tuan Pengerusi:** Masih kekal 200, patutnya sudah kurangnya sebab sudah kurang.

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** 200 masih kekal lagi.

**Tuan Pengerusi:** *You* kurangkan, *reduce*kan dia punya *amount* inilah.

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Ha amaun dia tetapi jumlah *repackers* itu masih kekal lagilah, lebih kurang 200.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Jumlah *repackers* dalam 254 tidak silap saya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sekarang ini 268 kalau ikut rekod. Syarikat pembungkus 268 apakah masih kekal.

**Tuan Pengerusi:** Sudah kekal tidak?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Kalau audit buat dulu 241 tetapi *as of the latest* bagi kes kita ini 268, tambahan 27.

**Encik Muez bin Abd. Aziz:** Ya, ada perbezaan sikit Datuk.

**Datuk M. Nagarajan:** Selepas diambil alih oleh KPDKK mulai 1 November dan berikutan pengurangan kuota, sesetengah pembungkus itu macam tidak mahu buat langsung.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Bungkus sendirilah. Kilang bungkuslah.

**Datuk M. Nagarajan:** Katakan pada dahulunya dia dapat 100 tan, susulan pengurangan daripada 85,000 kepada 50,000 kuota ia dipotong. Bila potong katakan 70 percent tinggal 30 tan setengah tidak *operate* lagi. *So that...*

#### ■1230

**Tuan Pengerusi:** *What is the economical amount?*

**Datuk M. Nagarajan:** *You need at least about at least within 70 to 100 tan depending on the number of machines, investments dan sebagainya dengan izin Tuan Pengerusi.*

**Tuan Pengerusi:** Berapa tan? 100 tan?

**Datuk M. Nagarajan:** Di antara 70 hingga 100 tan.

**Tuan Pengerusi:** Yang kurang ini yang pinjam orang lain itu. *That is mean* polisi kena betul juga ini KPDKK. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jual kuota *it is happened*. Jual kuota maknanya, betul tidak Ketua Pengarah MPOB?

**Dr. Haji Ahmad Kushairi bin Din:** Tidak boleh komenlah Tuan Pengerusi *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *You* jual kuota. *You* jual *paper*, *you* dapat 100 tan. *You* pergi kepada pengilang A, *"This is my quota, can you produce for me?" It is actually happened. You* jual *paper*. Betul tidak? Yang Berhormat Limbang tahu tidak? Yang Berhormat Limbang faham?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Jual kuota. *You* kena hapuskan sistem jual kuota ini, maknanya jual *paper*. Jual *paper*, maknanya dia tidak ada kilang. *In actual* dia tidak kilang pun. Dia dapat 100 tan, dia pergi kilang. Orang itu sudah ada kilang 100, okeylah. Dia jual kuota. *Maybe* katalah *I* tanya tadi 30 sen, siapakah tadi pegawai?... *[Disampuk]* Siti, *I am asking you about 30 cent* tadi, bila dia jual kuota, dia dapat *net 20 cent* sahaja, *10 cent goes to* orang tukang *produce* itu. Betul tidak KSU?

**Datuk M. Nagarajan:** ...Minta izin Tuan Pengerusi, kalau tidak direkodkan, *then I can say something*.



**Tuan Pengerusi:** Tutup mic.

*[Perbincangan secara tanpa rekod]*

**Tuan Pengerusi:** Yang betul-betul *produce or maybe slow down*, beri kepada koperasilah. Baru-baru ini PM buat *announcement* kalau koperasi hendak menjadi *supplier*. Bagi koperasi yang besar-besar, tidak payahlah bagi *small individual* ini 100, 200 tan. Tidak payahlah. Tidak payahlah- I ingat. I ingat dia akan stabilah, dia akan stabil. Akan tetapi *insya-Allah* bila kita punya ringgit *appreciate*, I ingat *by next year should be CP over traded about 25, 27*. Dia akan *range to fall to 21*. *Supply is more crops, high crops. Now, low crops. How do you now, dahulu low crops, supply is less, demand is high, so burden to government is higher*. So tahun depan kalau langkah-langkah kerajaan ingat kalau Ringgit *appreciate* ingat *locally* katakanlah- berapa sekarang *traded in US?*

**Datuk M. Nagarajan:** *It is ranges between about USD670 or USD680 per tan for CPO.*

**Tuan Pengerusi:** *US Dollar. Because kita traded in US Dollar. That is why kita quite painful to government to absorb the subsidi ini. Okey, ada apa-apa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat?*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Banyak.

**Tuan Pengerusi:** Banyak ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Datuk terangkan sejak COSS ini, sembilan tahun sudah. Dalam sembilan tahun ini, apakah dianggarkan ketirisannya?

**Tuan Pengerusi:** Sudah sembilan tahun?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2015 bukan, tahun 2013.

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat- boleh minta izin, lima minit, *I give you the data*. Yang Berhormat, saya tidak mempunyai data terperinci mengenai berapa banyak ketirisan berlaku. Walau bagaimanapun saya ingin menjelaskan, apabila kita mula-mula melaksanakan kuota ini pada tahun 2007, jumlah kuota bulanan ialah 47,259 tan *per month*. Akan tetapi pada masa tersebut *after* dilaksanakan, kita dapati bahawa terdapat kekurangan minyak masak dan sebagainya. Susulan daripada tersebut, pada 1 Februari 2008, kuota ini telah ditingkatkan kepada 65,000 tan.

*Now, dari tahun 2009 to 2010 was 70,000, 2011 was came up to 72,000 then 2012 we went up to 77,000 per month, 2013 was 77,000 again, 2014 was 79,000 and 2016 was 84,000. Maximum 84,000. The reasons this quota was increasing because among others was the increased in domestic demand, among others was also we have more foreigners coming in working dan sebagainya but I don't have the data on ketirisan.*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Actually it is difficult for you because this is something that so complicated and as you know human being of our races, they take the opportunities.*

**Tuan Pengerusi:** *Cuba you tengok kalau figure dari tadi, tahun 2013 hingga April 2016, 2.3 bilion is it?*

**Datuk M. Nagarajan:** Yang penting pembayaran.

**Tuan Pengerusi:** *Government kena subsidize.*

**Datuk M. Nagarajan:** Okey. Sejak kuota ini dilaksanakan dari tahun 2008 hingga tahun 2016 sehingga bulan September, jumlah beban yang ditanggung oleh kerajaan ialah RM6.8 bilion.

**Tuan Pengerusi:** Ada *figure* dia dalam ini?

**Datuk M. Nagarajan:** Akan tetapi masa Audit itu diambil untuk dua tahun sahaja, *by the way...*

**Tuan Pengerusi:** Tiga tahun. Tahun 2013 hingga tahun 2016.

**Datuk M. Nagarajan:** Tahun 2008 sehingga September 2016. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita laksanakan pada tahun 2008, memandangkan harga minyak sawit adalah tidak tinggi, bagi kuota yang sebanyak 47,000, jumlah perbelanjaan kerajaan ialah RM317 juta. *The price was then around RM2,300. But in 2011 was highest because 2011 the price went up to average prices of CPO RM3,900 and the quota was...*

**Tuan Pengerusi:** *Three nine...*

**Datuk M. Nagarajan:** RM3,900.

**Tuan Pengerusi:** *It was the highest ya?*

**Datuk M. Nagarajan:** *Yes, right. But today we have the highest price after four years. Year 2011 was one of highest prices average level, the quota was 72,000 the government spent RM1.5 billion.*

**Tuan Pengerusi:** Daripada mula sekarang RM6 bilion ya? Daripada mula.

**Datuk M. Nagarajan:** Daripada...

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2007.

**Datuk M. Nagarajan:** *From 2008 to 2016, jumlah yang dibelanjakan sehingga September ialah RM6.8 bilion. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun skim ini dilaksanakan pada tahun 2007, June 2007 to June 2008, skim ini telah dibiayai melalui ses daripada industri, bukan daripada beban tanggungan kerajaan.*

**Tuan Pengerusi:** Sampai sekaranglah?

**Datuk M. Nagarajan:** Ses.

**Tuan Pengerusi:** Sampai sekaranglah?

■1240

**Datuk M. Nagarajan:** *No, no. Cuma untuk satu tahun apabila kita mula-mula laksanakan pada bulan 1 Jun 2007 untuk Jun 2008 tempoh satu tahun skim ini telah dibiayai oleh industri sawit.*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang *government direct*?

**Datuk M. Nagarajan:** Sekarang tidak ada. Sekarang kerajaan mengutip *what is known as windfall levy* apabila harga minyak sawit mentah melebihi 2,500 dengan kadar 15 peratus di Semenanjung dan *windfall levy* di Sabah dan Sarawak apabila harga CPO naik melebihi RM3,000 dengan kadar 7.5 percent. *One of the reason why we inforce windfall levy most among others to subscribe essential goods. So buat masa ini industri sawit menyumbang kepada dana kerajaan among others untuk ini di mana industri sawit di Peninsular dia menyumbang 7.5 percent of the difference between 2,500 and market price to that the consolidate price.*

**Tuan Pengerusi:** *In Sabah the figure windfall ini.*

**Datuk M. Nagarajan:** *In Sabah Sarawak* melebihi RM3,000 setan dengan kadar 15 peratus.

**Tuan Pengerusi:** Siapakah yang ambil *total figure* ini, Kastam?

**Datuk M. Nagarajan:** Kastam. Dibayar kepada Kastam bukan kepada kerajaan negeri. Di Sabah dan Sarawak kerajaan negeri yang kutip adalah *sales tax. 7.5 percent in Sabah and 5.5 percent in Sarawak.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi, saya mendengar penjelasan daripada pihak MPIC bahawa MPIC juga memerlukan KPI. Jadi atas pelaksanaan yang terikat kepada SOP dan juga tatacara perbendaharaan, saya menganggap tugas ini bukan senang untuk dilaksanakan. Saya bukan menyebelahi MPIC tetapi apa yang sebenarnya berlaku kehendak kerajaan kita memerlukan tiap-tiap agensi kerajaan memerlukan KPI. Jadi atas itu sebab-sebab saya rasa banyak yang bukan sahaja terlepas pandang ataupun tak dapat dielakkan. Untuk mengejar KPI ini saya rasa ini satu-satunya kerajaan harus mengambil melihat tatacara kita ini sekarang.

Sebab satu kita mengajar KPI, satu apa yang berlaku ke atas ketirisan yang dilaksanakan bukan pihak daripada kerajaan tetapi pihak daripada pihak swasta. Jadi saya rasa pihak siasatan harus dilakukan kepada pihak swasta supaya dapat membantu usaha kerajaan untuk mempertingkatkan perbaiki keadaan yang sebenarnya. Jadi saya rasa ini permainan daripada pihak swasta yang melibatkan masalah yang berlaku di MPIC.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebenarnya saya ada banyak soalan tetapi itulah masa sudah hendak sampai. Saya hendak tahu mengenai bilangan penguat kuasa salah satu sebabnya saya terima aduan bahawa minyak bungkusan yang disubsidi itu kualiti itu tak baik.

**Tuan Pengerusi:** Kualiti tak baik?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak baik. Kalau tidak subsidi, dia memang baik. Ini saya tidak tahu sama ada benar atau tidak. Cuma aduan macam itu daripada penjaja-penjaja yang membeli.

**Tuan Pengerusi:** *Recycle.*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia kata dia... [*Disampuk*] Jadi kita perlu penguat kuasa bilangan yang cukup untuk memantau.

**Datuk M. Nagarajan:** Tuan Pengerusi, *I beg to differ on that statement* Tuan Pengerusi okey. Tuan Pengerusi, sebagai negara yang pengeluar kedua terbesar dunia di mana kita menghasilkan 19 juta tan setahun, *I don't think I see a need for us to recycle oil back to the industry for food purposes.* Satu.

Kedua, minyak- kuota seperti yang saya katakan, kuota sebanyak 80,000 tan sebulan memang mencukupi untuk keperluan isi rumah, memang keperluan lain-lain pihak yang merupakan bukan *target group* tetapi termasuk dalam golongan penerima subsidi ini.

Oleh demikian, kalau isu katakan kedua Yang Berhormat membangkitkan bahawa minyak subsidi kurang berkualiti. Tuan Pengerusi, MPOB sentiasa memantau memastikan bahawa minyak yang *supply* oleh pengilang penapis mengikut peraturan yang ditetapkan. Oleh yang demikian tidak perlu untuk- *there is no cheaper than CP10, CP10 is the lowest.* Kalau kita katakan lebih rendah daripada CP10 bererti *not fit for human consumption. It's meant for animal consumption. So...*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Datuk, what you say has got a basis because we are producers. We are big producer. Now how do you get rid of the perception that the subsidize the oil is that quality. Now we got to do something about it.*

**Datuk M. Nagarajan:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** *I ingat hendak produce recycle minyak lagi mahal kan MPOB lagi mahal kan. Kalau campur ini...*

**Dr. Haji Ahmad Kushairi bin Din:** Yang Berhormat, kalau kita *recycle*, *cost* untuk *recycle* kitar semula lagi mahal daripada proses biasa dari ladang *and so on*. Campur ada tetapi daripada segi minyak sawit iaitu minyak Olein dengan minyak lain. Minyak kacang, minyak soya, minyak sesawi itu memang ada. *Blended* itu isu lain... *[Disampuk]* Soya...

**Datuk M. Nagarajan:** Yang Berhormat, *currently* katakan *palm is 670*, *soya goes to premium of USD100*, *so be 770*. Yang Berhormat, *if you could allow us, I can give the price when I go back again because I don't want to say the wrong prices...* *[Disampuk]* Pardon? No Yang Berhormat, *it is not predicting. Certain oil are not traded as...*

**Dr. Haji Ahmad Kushairi bin Din:** Saya tak ingat Yang Berhormat tetapi pada umumnya semua harga minyak sawit paling rendah antara yang empat-empat minyak besar ini satu minyak sawit, kemudian minyak soya, kemudian *red seed* minyak sesawi kemudian minyak bunga matahari. Paling tinggi tadi memang *sunflower* *yes* yang paling tinggi memang bunga matahari. Akan tetapi yang itu yang paling tinggi *of course*-lah minyak zaitun minyak *olive* tetapi *big four* ini yang empat tadilah.

**Datuk M. Nagarajan:** *Other indicator UDS100, minimum USD100.*

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi Yang Berhormat..., tak ada? Bagi pihak PAC, kita mengucapkan terima kasih kepada kementerian, Datuk, Dato' dan pegawai-pegawai daripada kementerian. Sekarang tugas *you* sudah selesai.

Sekarang beralih kepada KPDNKK. Mungkin kita akan panggil KPDNKK *next year*- kita tengok macam mana.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Tuan Pengerusi, rumusannya minta bagi masalah rakyat dapat diselesaikan ya.

**Tuan Pengerusi:** Masalah rakyat diselesaikan, betul. Okey terima kasih semua.

**Datuk M. Nagarajan:** Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas pemerhatian dan cadangan-cadangan yang disampaikan oleh Ahli PAC.

**Tuan Pengerusi:** *Enforcement* betul, *enforcement* penting.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.48 tengah hari]***



**DOKUMEN  
PEMBENTANGAN**



**JABATAN AUDIT NEGARA**  
(LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 TAHUN 2015)



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PENGURUSAN SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK**

**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2**  
**8 DISEMBER 2016**






**OBJEKTIF COSS**

**RAHSIA**

COSS dilaksanakan pada tahun 2007 di bawah kawal selia Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komiditi (MPIC) melalui Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sago (BISS) dengan objektif berikut:

- 1 Membendung kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak;
- 2 Menstabilkan harga runcit minyak masak dalam bungkusan 5kg ke bawah untuk pengguna isi rumah;
- 3 Memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.







RAHSIA

## PRESTASI PEMEGANG KUOTA

BIL.	PEMEGANG KUOTA	PENEMUAN AUDIT
<b>Negeri Johor</b>		
1.	510348 – 017000 Izumia Enterprise	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tiada bukti aktiviti pembungkusan minyak masak.</li> <li>b. Baki minyak masak dalam tangki adalah meragukan.</li> <li>c. Syarikat tidak menyelenggara rekod dengan lengkap dan kemas kini.</li> </ul>
2.	583496 – 017000 Puncak Evolusi Dagangan Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tiada bukti aktiviti pembungkusan minyak masak bersubsidi dijalankan. Semasa lawatan, pasukan Audit hanya menemui botol-botol minyak masak untuk tujuan eksport.</li> <li>b. Syarikat tidak menyelenggara rekod berkaitan.</li> <li>c. Syarikat gagal mempamerkan lesen MPOB.</li> <li>d. Tiada bukti wujud pengasingan tangki bagi minyak masak bersubsidi dan minyak masak eksport.</li> </ul>
3.	556387 – 017000 Azbi Trading Sdn, Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Premis berkunci dan tiada aktiviti pembungkusan minyak masak.</li> <li>b. Berdasarkan temubual dengan pemilik premis melalui panggilan telefon, aktiviti pembungkusan minyak masak telah diuruskan secara <i>toll-pack</i>.</li> </ul>

7

RAHSIA

## IZUMIA ENTERPRISE

### Rekod urusniaga tidak lengkap & kemas kini



8

RAHSIA

**PUNCAK EVOLUSI DAGANGAN SDN BHD**



Kelengkapan Mesin Membungkus Dengan Kapasiti 5, 10 & 20 Liter Minyak Bagi Tujuan Eksport



Minyak Masak Slap Dibotolkan Untuk Dieksport



Jenama Dan Logo Minyak Masak Yang Dilsyiharkan

9

RAHSIA

**AZBI TRADING SDN BHD**

**Premis berkunci & tidak beroperasi**



RAHSIA

## PRESTASI PEMEGANG KUOTA

BIL.	PEMEGANG KUOTA	PENEMUAN AUDIT
<b>Negeri Selangor</b>		
1.	597794 – 017000 Kemas Kapital Sdn. Bhd.	a. Aktiviti pembungkusan minyak masak ada dilaksanakan. b. Keupayaan pembungkusan minyak masak berdasarkan kuota yang diluluskan adalah diragui kerana hanya mempunyai seorang pekerja dan satu mesin pembungkus. Satu lagi mesin pembungkus mengalami kerosakan. c. Baki minyak masak dalam tangki adalah diragui. d. Akuan penerimaan minyak masak turut diragui.
2.	507576 – 117000 Gibca Holding Sdn. Bhd.	a. Tidak beroperasi di premis yang dilesenkan. Syarikat beroperasi dalam kompaun kilang penapis. b. Aktiviti pembungkusan minyak masak bersubsidi adalah diragui berdasarkan keadaan lantai premis, stok kotak dan stok plastik pembungkus yang berhabuk seolah-oleh operasi pembungkusan minyak masak telah lama tidak dijalankan. c. Stok bungkusan pek yang digunakan semasa lawatan Audit adalah stok bungkusan lama yang bercetak tarikh luput pada 31.12. 2016. d. Baki minyak masak dalam tangki adalah diragui. e. Keupayaan pembungkusan minyak masak tidak berpadanan dengan kuota yang diluluskan.

11

RAHSIA

## KEMAS KAPITAL SDN BHD

### Keupayaan premis untuk membungkus minyak masak (600mt) diragui



KAPASITI : 18 TAN METRIK  
BAKI : 6 TAN



KAPASITI : 5 TAN METRIK  
BAKI : 2.5 TAN



PRODUKSI SEMASA :  
50 KOTAK X 2 PALLET X 17 PEK  
=1.7 TAN

TERIMAAN TERAKHIR	: 14/06/2016 JAM 12.00PM
KUANTITI TERIMAAN	: 17.49
BAKI TANGKI	: 8.5 TAN
PEMBUNGKUSAN SEPATUTNYA	: 17.49 TAN – 8.5 TAN = 8.99 TAN
PEMBUNGKUSAN SEBENAR	: 1.7 TAN
BEZA	: 7.29 TAN

12

**RAHSIA**

**GIBCA HOLDING SDN BHD**

---

**Keadaan Stok Yang Berhabuk**





**Pembungkusan minyak yang tidak sepadan dengan kuota yang diluluskan**

**Stok bungkusan pek lama**

13

**RAHSIA**


**PUNCA / SEBAB**

14

**RAHSIA**


**Formula Penetapan Kuota COSS**  
Tidak Menggambarkan Keperluan Sebenar Minyak Masak

Dikira berdasarkan penggunaan per kapita sebanyak 2.5kg sebulan



29.8 JUTA  
PENDUDUK  
MALAYSIA

+



2.32 JUTA  
WARGA ASING

+

**KONTIGENSI**

7% KONTIGENSI

**85,405 TAN SEBULAN**

Setakat April 2016, jumlah kuota yang telah diagihkan adalah berjumlah **82,169 tan metrik/bulan** kepada 25 kilang penapis dan 241 syarikat pembungkus.

15

**RAHSIA**

**PENGAGIHAN KUOTA BUNGKUS SEMENTARA**

*10 kilang penapis dan 8 syarikat pembungkus telah diberikan kuota bungkus sementara antara 3,300 hingga 4,800 mt sebulan bagi tempoh antara 9 hingga 24 bulan tanpa justifikasi seperti dinyatakan dalam SOP.*

BULAN	KUOTA DIBENAR (a)	KUOTA SEMASA APRIL 2016 (b)	KUOTA BUNGKUS SEMENTARA (c)	JUMLAH (d) = (b) + (c)	LEBIHAN KUOTA	
					(MT)	(RM JUTA)
					(e) = (d) - (a)	
JAN			3,300	85,469	64	0.04
FEB – MAC	85,405	82,169	3,700	85,869	464	0.65
APRIL – DISEMBER			3,590	85,759	354	2.23
<b>JUMLAH LEBIHAN BAYARAN SUBSIDI SETAHUN</b>					<b>882</b>	<b>2.92</b>

16

## KELAYAKAN PENGAGIHAN KUOTA COSS TIDAK DIPATUHI

**RAHSIA**

Sebanyak 5 (31.3%) daripada 16 pemegang kuota mempunyai modal berbayar yang lebih rendah berbanding had modal berbayar yang ditetapkan:

PEMEGANG KUOTA	MODAL BERBAYAR (RM JUTA)	KUOTA DILULUSKAN (MT)	KUOTA YANG LAYAK (MT)	BEZA (MT)
HA Tekad Resources Sdn Bhd	0.50	500	300	200
Gerbang Sawit Sdn Bhd	0.50	500	300	200
Ginto Resources Sdn Bhd	0.40	500	200	300
Kemas Kapital Sdn Bhd	0.20	600	100	500
Eka Kesuma Sdn. Bhd.	1.00	1,000	500	500

17

## PELANTIKAN PIHAK KETIGA BAGI AKTIVITI PEMBUNGKUSAN

**RAHSIA**

TAHUN	PEMEGANG KUOTA / KUOTA DILULUSKAN	TOLL - PACK	PEMEGANG KUOTA [ (√-YA) / (X-TIDAK) ]
2013 & 2014	Koperasi Suria Malaysia Berhad / 500mt	Ranama Resources Sdn Bhd (100 mt)	X
		Aathi Bagawathi Mfg Sdn Bhd (100 mt)	X
		Vimas Dellclous Sdn Bhd (100 mt)	X
		Gerbang Sawit Sdn Bhd (100 mt)	X
		Desa Edible Oil Enterprise (100 mt)	√ - 50 mt
2015	Koperasi Suria Malaysia Berhad / 500mt	Ranama Resources Sdn Bhd (167 mt)	X
		Aathi Bagawathi Mfg Sdn Bhd (167 mt)	
		Gerbang Sawit Sdn Bhd (166 mt)	
2015	Kemas Kapital Sdn Bhd / 600mt Sawit Raya Oil (Sarawak) Sdn Bhd / 1,000mt	Sawit Raya Sdn Bhd	√ - 300 mt

18

**RAHSIA****PELANTIKAN PIHAK KETIGA BAGI AKTIVITI PEMBUNGKUSAN**

TAHUN	PEMEGANG KUOTA / KUOTA DILULUSKAN	TOLL - PACK	PEMEGANG KUOTA [ (V-YA) / (X-TIDAK) ]
2016	Koperasi Suria Malaysia Berhad / 500mt	Ranama Resources Sdn Bhd (167 mt)	X
		Aathi Bagawathi Mfg Sdn Bhd (167 mt)	
		Gerbang Sawit Sdn Bhd (166 mt)	V – 500 mt
	Hexa Suria Sdn Bhd / 200mt	Perniagaan Megah Harmohi	X
	Boon C Far Sdn Bhd / 300mt	Dis In TradIng	V – 300 mt
	Ambang Asli Sdn Bhd / 300mt	Ha Tekad Resources Sdn Bhd	V – 500 mt
PalmaStic Sdn Bhd / 300mt	ContInental Resources Sdn Bhd	V – 245 mt	

19

**RAHSIA**

**SEKIAN  
TERIMA KASIH**

20



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KETIGA BELAS  
BIL. 27 TAHUN 2016**

**PENGURUSAN SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK (COSS)**

**KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (MPIC)**

**8 DISEMBER 2016**





## LATAR BELAKANG COSS

---

Skim Penstabilan Harga Minyak Masak [*Cooking Oil Price Stabilization Scheme (COSS)*] dilaksanakan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi (MPIC) berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah yang tinggi pada suku tahun kedua 2006 dan awal tahun 2007.

COSS yang dilaksanakan pada 1 Jun 2007 mempunyai objektif seperti berikut:

- membendung kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak;
- menstabilkan harga runcit minyak masak dalam bungkusan 5kg ke bawah untuk pengguna isi rumah; dan
- memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.

COSS merupakan skim pembiayaan subsidi minyak masak kepada kilang penapis minyak sawit pada kadar bulanan.


Subsidi dikira berdasarkan **perbezaan harga asas iaitu RM1,700 per tan metrik (*threshold*) dengan harga purata bulanan RBD Palm Olein** yang dikeluarkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan terhad kepada kuota pembungkusan minyak masak yang diluluskan oleh MPIC.

## LATAR BELAKANG COSS (Samb.)

Pemegang kuota COSS sehingga 31 Oktober 2016 :

KATEGORI	BILANGAN	KUOTA PEK ASAL (TAN/BULAN)
Kilang Penapis	25	22,886
Syarikat Pembungkus	268	60,916
JUMLAH	293	83,802

# KAEDAH PELAKSANAAN



# RINGKASAN PENEMUAN JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)

---

## MEMUASKAN

Proses Pengesahan  
Kewajaran Dan  
Ketepatan Tuntutan  
Subsidi Oleh Kilang  
Penapis Bagi Tujuan  
Pembayaran

## KURANG MEMUASKAN

Formula Penetapan  
Kuota COSS

Pengurusan Pengagihan  
Kuota COSS

Pelantikan Pihak Ketiga Bagi  
Aktiviti Pembungkusan Minyak  
Masak

Pengagihan Kuota Bungkus  
Sementara

Prestasi Pemegang Kuota

## PENEMUAN AUDIT

### 1. FORMULA PENETAPAN KUOTA COSS

---

#### KRITERIA

Kerajaan telah bersetuju pada 31 Julai 2013 supaya kuota COSS ditambah daripada 77,673 tan kepada 85,405 tan sebulan.

#### FORMULA KUOTA



**29.8 JUTA  
PENDUDUK  
MALAYSIA**



**2.32 JUTA  
WARGA ASING**



**KONTIGENSI**

**7% KONTIGENSI**



**85,405 TAN SEBULAN  
2.5KG SEORANG SEBULAN**

## PENEMUAN AUDIT

### 1. FORMULA PENETAPAN KUOTA COSS (Samb.)

---

#### PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada soal selidik yang dijalankan oleh pihak Audit merumuskan bahawa purata pembelian minyak masak bagi setiap seorang rakyat Malaysia adalah antara 1kg - 1.5kg sebulan iaitu 60% lebih rendah berbanding anggaran penggunaan yang digunakan MPIC buat masa ini.

Selain itu, pengiraan kuota COSS yang mengambil kira bilangan warga asing adalah kurang wajar dan perlu dikaji semula.

## PENEMUAN AUDIT

### 1. FORMULA PENETAPAN KUOTA COSS (Samb.)

#### MAKLUM BALAS MPIC

Penggunaan minyak masak sebanyak 2.5kg per kapita adalah berdasarkan kepada perakuan *World Fats Consumption* pada tahun 2012 yang diterbitkan oleh *Oil World*.

Di Malaysia, sumber utama bagi *oils and fats* adalah minyak sawit olein berbanding negara-negara lain di mana sumbernya termasuk minyak haiwan dan sayuran.

Negara	Per Kapita (kg)/bulan	Per Kapita (kg)/setahun
Malaysia	2.5	30
Indonesia	3.0	36
Filipina	1.07	12.8
Vietnam	1.13	13.6
China	2.21	26.6
Japan	1.83	21.9
EU	5.37	64.4
US	5.25	63.0

Sumber: Oil World, 2016

Bilangan warga asing seramai 2.34 juta pada tahun 2013 diambil kira untuk penetapan kuota COSS memandangkan pembelian minyak masak COSS ini tidak dapat dibezakan antara warganegara dan warga asing.

Kerajaan pada 21 September 2016 telah memutuskan bahawa KPDNKK akan mengambil alih pengurusan COSS dari KPPK mulai 1 November 2016.

2. KELAYAKAN PENGAGIHAN KUOTA COSS TIDAK DIPATUHI

**KRITERIA**

**SOP COSS – Para 4**

Minimum modal berbayar syarikat adalah sekurang-kurangnya RM100,000. Panduan jumlah kuota yang boleh diluluskan seperti jadual berikut:

<b>MODAL BERBAYAR</b>	<b>JUMLAH KUOTA COSS (Tan Metrik)</b>
RM100,000 hingga RM200,000	100
RM200,000 hingga RM500,000	200
Sekurang-kurangnya RM500,000	300
Sekurang-kurangnya RM1 juta	500
Sekurang-kurangnya RM1.5 juta	1,000



## PENEMUAN AUDIT

### 2. KELAYAKKAN PENGAGIHAN KUOTA COSS TIDAK DIPATUHI (Samb.)

#### PENEMUAN AUDIT

Sebanyak **5 (31.3%)** daripada **16 syarikat** yang diluluskan kuota melebihi 500 tan metrik sebulan mempunyai modal berbayar lebih rendah berbanding had modal berbayar ditetapkan oleh MPIC. Satu (20%) daripada 5 syarikat berkenaan tidak layak dipertimbangkan untuk pengagihan kuota COSS dari aspek kedudukan modal berbayarnya.

PEMEGANG KUOTA	MODAL BERBAYAR (RM JUTA)	KUOTA DILULUSKAN (TAN METRIK)	KUOTA YANG LAYAK (TAN METRIK)	BEZA (TAN METRIK)
582772 - 117000	0.50	500	300	200
514848 - 017000	0.50	500	300	200
605120 - 017000	0.05	500	TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN	
597794 - 017000	0.20	600	100	500
585476 - 117000	1.00	1,000	500	500

**MAKLUM BALAS MPIC**

Kelulusan kuota bagi 5 syarikat daripada 16 sampel pemegang kuota yang mempunyai modal berbayar lebih rendah berbanding had modal berbayar diberikan berdasarkan laporan ke atas ketersediaan premis dan mesin membungkus minyak yang telah disediakan oleh syarikat.

Bagi kelulusan jumlah kuota dan kawasan edaran adalah berdasarkan keputusan MPIC dengan mengambil kira taburan pembungkus dan jumlah penduduk mengikut negeri. Kelulusan ini adalah berdasarkan perakuan Jawatankuasa Penilaian COSS (JPCOSS) dan kelulusan Jawatankuasa Kelulusan COSS (JKCOSS). Mulai 1 Jun 2014, JKCOSS telah dibubarkan dan peruntukan kuota berdasarkan keputusan MPIC.

Walau bagaimanapun, Mesyuarat JPCOSS Bil. 3/2016 pada 1 September 2016 telah memutuskan penubuhan semula JKCOSS. Pindaan SOP COSS telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat JKCOSS Bil. 1/2016 pada 19 Oktober 2016. Dokumen ini juga akan diserahkan kepada KPDNKK sebagai panduan bagi melaksanakan Skim ini mulai 1 November 2016.

## PENEMUAN AUDIT

### 3. PELANTIKAN PIHAK KETIGA BAGI AKTIVITI PEMBUNGKUSAN MINYAK MASAK

---

#### KRITERIA

SOP COSS – Para 6.7 (d)

Pemegang kuota COSS tidak dibenarkan mengupah pihak ketiga untuk membungkus minyak masak bagi pihaknya (*toll-pack*).

#### PENEMUAN AUDIT

Sebanyak 7 pemegang kuota telah diberi kebenaran untuk melantik pihak ketiga bagi melaksanakan aktiviti pembungkusan minyak masak (*toll-pack*) walaupun bertentangan dengan Piawaian Prosedur Operasi COSS

**MAKLUM BALAS MPIC**

Pemberian kelulusan bagi aktiviti *toll-pack* adalah berdasarkan pertimbangan MPIC. Kelulusan yang diberikan kepada 6 syarikat terhad bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan dan tiada sebarang permohonan pelanjutan tempoh dipertimbangkan.

Setakat ini, aktiviti *toll-pack* telah dihentikan kecuali satu syarikat di mana pengecualian daripada mematuhi syarat COSS berkenaan adalah bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat berkenaan melibatkan diri dalam sektor hiliran industri sawit. Perkara ini telah dibentang dalam Mesyuarat JKCOSS Bil. 1/2016 pada 19 Oktober 2016 dan telah bersetuju KPDNKK akan meneruskan siasatan terperinci ke atas syarikat tersebut.

## PENEMUAN AUDIT

### 4. PENGAGIHAN KUOTA BUNGKUS SEMENTARA

---

#### KRITERIA

##### **SOP COSS – Para 5.3(a)(ii)**

SUB BISS berkuasa untuk mengalihkan membungkus secara sementara dari bulan ke bulan sehingga 6 bulan kepada pemegang kuota yang lain bagi kes bencana alam / mesin pembungkusan rosak / kebersihan premis dipertikaikan

#### PENEMUAN AUDIT

- Kuota bungkus sementara telah diberikan kepada 10 kilang penapis dan 8 syarikat pembungkus tanpa mematuhi justifikasi yang ditetapkan dalam Piawaian Prosedur Operasi COSS dan berlarutan bagi tempoh 9 hingga 12 bulan; dan
- Kelulusan pengagihan kuota bungkus sementara setakat bulan April 2016 telah menyebabkan lebih kepada had maksimum kuota COSS antara 64 hingga 464 tan metrik sebulan dan memberi implikasi pertambahan perbelanjaan subsidi Kerajaan dianggarkan berjumlah RM2.92 juta.

#### 4. PENGAGIHAN KUOTA BUNGKUS SEMENTARA (Samb.)

---

##### MAKLUM BALAS MPIC

Lebih kuota berlaku kerana MPIC membenarkan fleksibiliti kuota pada musim perayaan di mana sebanyak 10% kuota diambil dari bulan Mac, April dan Mei 2016 dan diagihkan ke bulan Disember 2015, Januari dan Februari 2016. Selain itu, kebenaran fleksibiliti kuota turut dibenarkan untuk bulan Ogos, September dan Oktober 2016 dan diagihkan ke bulan Mei, Jun dan Julai 2016 sempena bulan Ramadhan dan sambutan Hari Raya.

Walaupun terdapat lebih kuota, tetapi jumlah tuntutan COSS yang dibayar oleh MPOB tidak melebihi maksimum kuota sebanyak 85,405 tan sebulan sepanjang bulan Januari hingga September 2016.

Kelulusan untuk bungkus sementara telah dihentikan mulai 1 November 2016 susulan keputusan Mesyuarat JPCOSS Bil. 4/2016 pada 11 Oktober 2016.

## PENEMUAN AUDIT

### 4. PENGAGIHAN KUOTA BUNGKUS SEMENTARA (Samb.)

#### MAKLUM BALAS MPIC

Jumlah tuntutan yang dibayar bagi bulan Januari hingga September 2016:

Bulan (2016)	Tuntutan (tan)	Penggunaan (%)	Baki
Januari	82,514.06	97%	2,890.94
Februari	82,015.31	96%	3,389.69
Mac	78,639.24	92%	6,765.76
April	80,175.52	94%	5,229.48
Mei	84,604.92	99%	800.08
Jun	88,199.91	103%	(2,794.91)
Julai	85,832.84	101%	(427.84)
Ogos	83,924.26	98%	1,480.74
September	81,315.63	95%	4,089.37
<b>Jumlah</b>	<b>747,221.69</b>		
<b>Purata</b>	<b>83,024.63</b>	<b>97%</b>	-

## PENEMUAN AUDIT

### 5. PRESTASI PEMEGANG KUOTA

#### PENEMUAN AUDIT

Sebanyak 9 daripada 17 syarikat pemegang kuota tidak mematuhi syarat operasi yang ditetapkan sepenuhnya, antaranya berkaitan pendaftaran jenama, penyelenggaraan rekod, pengurusan kebersihan premis dan aktiviti pembungkusan minyak masak.

#### Tiada Bukti Aktiviti Pembungkusan Minyak Masak Bersubsidi Dijalankan



**Premis Pemegang Kuota COSS (No. Lesen: 583496 – 017000)**  
**- Premis Dilengkapi Dengan Fasiliti Pembungkusan Minyak Masak Bagi Tujuan Eksport Dan Terdapat Stok-stok Minyak Masak Yang Telah Siap Dibotolkan Bagi Tujuan Eksport**  
**(26.05.2016)**

#### Kilang Pembungkusan Minyak Kosong & Berkunci



**Premis Pemegang Kuota COSS (No. Lesen : 556387 – 017000)**  
**- Premis Yang Dikunjungi Berada Dalam Keadaan Berkunci Dan Tiada Bukti Aktiviti Pembungkusan Minyak Masak Ada Dilaksanakan**  
**(27.05.2016)**



## PENEMUAN AUDIT

### 5. PRESTASI PEMEGANG KUOTA (Samb.)

**Tiada Aktiviti Pembungkusan Minyak Masak Bersubsidi  
(Keadaan Lantai Premis, Stok Kotak Dan Stok Plastik Pembungkus Yang Berhabuk)**



**Premis Pemegang Kuota COSS (No. Lesen  
: 597794 – 017000)  
- Keadaan Stok Kotak Yang Berhabuk  
(16.06.2016)**

**Premis Pemegang Kuota COSS (No. Lesen : 507576 – 117000)  
- Stok Bungkusan Pek Yang Digunakan Semasa Lawatan Audit  
Adalah Stok Bungkusan Lama Yang Bercetak Tarikh Luput  
Pada 31.12. 2016.  
(16.06.2016)**

## PENEMUAN AUDIT

### 5. PRESTASI PEMEGANG KUOTA (Samb.)

#### MAKLUM BALAS MPIC

BIL.	NO. LESEN PEMEGANG KUOTA	KUOTA (TAN METRIK)	STATUS TERKINI
<b>Negeri Johor</b>			
1.	583496 – 017000	200	Lawatan susulan pada 22 Ogos 2016 mendapati tindakan penambahbaikan telah diambil. Pengasingan premis telah dibuat bagi aktiviti COSS dan aktiviti eksport. Syarikat telah berpindah ke premis baharu.
2.	556387 – 017000	400	Syarikat masih tidak beroperasi dan membuat toll-pack pembungkusan minyak masak dengan pihak ketiga.  MPIC telah mengeluarkan surat pembatalan kuota minyak masak COSS pada 20 Oktober 2016 memandangkan tiada tindakan penambahbaikan yang dilakukan oleh syarikat

## PENEMUAN AUDIT

### 5. PRESTASI PEMEGANG KUOTA (Samb.)

#### MAKLUM BALAS MPIC

BIL.	NO. LESEN PEMEGANG KUOTA	KUOTA (TAN METRIK)	STATUS TERKINI
<b>Negeri Selangor</b>			
3.	597794-017000	600	<p>Hasil lawatan siasatan mendapati, syarikat telah berpindah ke premis baru mulai 1 September 2016. Pihak syarikat juga telah membeli tambahan 1 mesin membungkus minyak masak bagi memastikan kapasiti mesin adalah berpadanan dengan jumlah kuota yang diluluskan.</p> <p>Hasil lawatan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKCOSS Bil. 1/2016 pada 19 Oktober 2016 dan memutuskan syarikat diberi tempoh akhir sehingga 31 Oktober 2016 untuk mematuhi syarat-syarat COSS.</p> <p>MPIC telah menarik balik penggantungan kuota ke atas syarikat pada 27 Oktober 2016.</p>

## PENEMUAN AUDIT

### 5. PRESTASI PEMEGANG KUOTA (Samb.)

#### MAKLUM BALAS MPIC

BIL.	NO. LESEN PEMEGANG KUOTA	KUOTA (TAN METRIK)	STATUS TERKINI
<b>Negeri Selangor</b>			
4.	507576 – 117000	2,000	<p>Hasil lawatan siasatan mendapati syarikat telah membeli tambahan 4 mesin membungkus minyak masak bagi memastikan kapasiti mesin adalah berpadanan dengan jumlah kuota yang diluluskan.</p> <p>Hasil lawatan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKCOSS Bil. 1/2016 pada 19 Oktober 2016 dan memutuskan syarikat diberi tempoh akhir sehingga 31 Oktober 2016 untuk mematuhi syarat-syarat COSS.</p> <p>Sehingga 31 Oktober 2016, syarikat masih belum mematuhi syarat-syarat COSS, dan perkara ini telah dikemukakan kepada KPDNKK untuk tindakan selanjutnya.</p>

**SEKIAN  
TERIMA KASIH**